



buletin **Mutiara**

www.buletinmutiara.com

PERCUMA



16 – 31 OKTOBER 2015



<http://www.facebook.com/buletinmutiara>
<http://www.facebook.com/cmlimguaneng>

Sumbangan tahunan SAR kekal RM1.75 juta

Peruntukan Hal Ehwal Agama Islam 2015 ditingkatkan kepada RM58 juta

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri tidak pernah mengurangkan peruntukan tahunan RM1.75 juta untuk Sekolah Agama Rakyat (SAR), sebagaimana difitnah oleh pihak pembangkang Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, sentimen anti Kerajaan Negeri Pakatan Harapan Pulau Pinang yang disemarakkan oleh pihak tertentu belakangan ini berkemungkinan demi menutup skandal rasuah membabitkan syarikat pelaburan Kerajaan Pusat, 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Adalah fitnah untuk menyatakan bantuan kepada SAR dihentikan atau dikurangkan kerana RM1.75 juta tetap dibayar setiap tahun.

"Jelas sekali golongan politik yang anti-Kerajaan Negeri Pakatan Harapan, sedang giat membakar sentimen perkauman dan ekstrimis agama, dengan apa-apa pun fitnah jahat untuk cuba menutup skandal rasuah kewangan RM42 bilion 1MDB dan derma RM2.6 bilion (ke) dalam akaun peribadi Perdana Menteri," katanya dalam kenyataan di sini baru-baru ini.

Menurut Guan Eng, peruntukan Hal Ehwal Agama Islam bagi tahun 2009 direkodkan berjumlah RM37.25 juta, diikuti, RM39.60 juta (2010), RM65.27 juta (2011), RM66.38 juta (2012), RM55.13 juta (2013), RM52.21 (2014) dan RM58.13 juta (2015). Lampiran 1.

Sementara itu, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dalam kenyataan berasingan menyatakan bahawa Kerajaan Negeri telah mengambil inisiatif menyalurkan sumbangan berjumlah RM1.5 juta kepada institusi pendidikan Islam khususnya SAR yang memerlukan bantuan dan memenuhi kriteria. Sumbangan tersebut kemudiannya dikembangkan kepada Maahad Tahfiz dan Tadika Islam (TADIS) pada tahun berikutnya setelah Kerajaan Negeri meningkatkan sumbangan kepada RM1.75 juta.

"Hasil sumbangan tersebut, beberapa SAR telah menambahbaik kemudahan infrastrukturnya, antaranya pada tahun 2009, Madrasah Al-Aminiah Permatang Pauh telah berjaya mewujudkan makmal sains pertama SAR di Pulau Pinang," jelas beliau.

Tambahnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung, sumbangan tersebut umumnya bukan geran tahunan atau bantuan tetap yang difahami sesetengah pihak yang menganggap ia adalah hak mereka, sebaliknya, ia adalah sumbangan tahunan Kerajaan Negeri kepada institusi pendidikan agama di Pulau Pinang yang tidak pernah dilakukan kerajaan terdahulu. Penerima dan nilai sumbangan adalah berubah-ubah setiap tahun bergantung kepada keperluan dan kelayakan institusi berkaitan.

"Sehingga kini, Kerajaan Negeri telah menyumbang sebanyak RM13.75 juta, tidak termasuk bajet pembangunan dan sumbangan bonus hari raya serta bonus akhir tahun kepada para guru dan pentadbir institusi agama di negeri ini.

"Malah, bermula tahun ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) mendapat terdapat keperluan mendesak di enam Sekolah Pondok yang tidak pernah menerima sumbangan berkenaan sebelum ini.

"Makanya, sumbangan kepada beberapa buah SAR termasuk Sekolah Rendah Islam Bahrul Ulum (SRIBU) dan Sekolah Rendah Islam Al-Ansor (SRIA) telah diagihkan kepada Sekolah-



TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (depan, kiri sekali) menyantuni salah seorang Tuan Guru 'Sekolah Pondok' pada Majlis Penyerahan Bantuan SAR 2015 oleh Kerajaan Negeri di Masjid Umar Al-Khattab, Bayan Baru baru-baru ini.

sekolah Pondok yang mana Kerajaan Negeri melihat keperluannya adalah lebih mendesak," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Malik memberitahu bahawa berdasarkan rekod, SRIBU dan kakitangannya telah menerima sumbangan setiap tahun sejak 2010 berjumlah RM276,500.


"Manakala SRIA yang diluluskan pendaftarannya pada 1 Jun 2011 dan kakitangannya telah menerima sumbangan bermula pada tahun 2013 berjumlah RM111,500 bagi tujuan pengurusan, alat bantu mengajar, perpustakaan dan saugah guru," ujar beliau.

Katanya, pada tahun 2015, sebanyak 176 institusi

pendidikan agama menerima sumbangan Kerajaan Negeri berjumlah RM1.75 juta, iaitu, tujuh Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) menerima sumbangan RM435,500; RM249,500 untuk 11 Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK); RM381,100 untuk tujuh Sekolah Rendah Agama Rakyat (SRAR) sepenuh masa; RM178,200 untuk 27 Maahad Tahfiz; RM388,800 untuk 104 KAFA Integrasi; RM26,900 untuk 14 Tadika Islam (TADIS) dan RM90,000 untuk enam Sekolah Pondok.

"Kerajaan Negeri kesal apabila ditohmah kononnya telah menghentikan sumbangan kepada semua institusi pendidikan milik ahli PAS.

"Tohmahan itu tidak berasas, terdapat banyak sekolah di bawah pentadbiran ahli dan kepimpinan PAS yang menerima sumbangan Kerajaan Negeri ini," tegasnya sambil menyatakan bahawa Kerajaan Negeri mendapat terdapat kekeliruan berhubung dakwaan Mudir Am SRIA sebelum ini.



Ellias Zakaria Tokoh Maal Hijrah 1437H P. Pinang

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

BERTAM – Konvensyen Islam Rahmatan Lil Alamin akan dianjurkan di peringkat negeri Pulau Pinang pada 6 hingga 8 November 2015, selepas moto dakwah itu diangkat sebagai tema Sambutan Maal Hijrah 1437H/2015M Peringkat Negeri Pulau Pinang baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim semasa membuat pengumuman itu memberitahu, pemilihan tema tersebut adalah diilhamkan sendiri oleh bekas Ketua Pembangkang Parlimen Malaysia, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Februari lalu.

"Usaha menyemarakkan maksud Islam Rahmatan Lil 'Alamin telahpun diilhamkan oleh mantan Ahli Parlimen Permatang Pauh, Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk diangkat di peringkat negeri ini, (disusuli) dengan suatu 'Konvensyen Islam Rahmat Ke Seluruh Alam' diadakan di Kuala Lumpur pada awal (bulan) Februari lalu.

"Insya Allah, satu konvensyen Islam Rahmatan Lil 'Alamin akan diadakan di Pulau Pinang pada 6, 7 dan 8 November ini, dengan ucaptama disampaikan oleh Mufti Besar Zimbabwe (Sheikh Ismail ibn Musa Menk)," katanya pada Majlis Himpunan Ummah di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon dalam ucapannya pula mengingatkan umat Islam supaya memperkasakan gerakan dakwah dengan menonjolkan kesederhanaan serta perasaan saling kasih sayang sesama manusia, ke arah agenda memartabatkan Islam di negeri ini.

"Agenda memartabatkan Islam di Pulau Pinang adalah agenda Kerajaan Negeri, maka, gerakan dakwah dengan menitikberatkan aspek wasatiyyah (kesederhanaan) dan kasih sayang sesama manusia akan membantu penghayatan tiap-tiap umat Islam pada

maksud Islam Rahmatan Lil 'Alamin," jelasnya pada majlis dihadiri lebih 500 hadirin berkaitan.

Mohd. Rashid turut merakamkan penghargaan atas kehadiran Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas dengan diiringi isteri, Toh Puan Majimor Shariff, menyampaikan ucaptama serta merasmikan majlis sambutan Maal Hijrah kali ini.

Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man, Dato' Seri Farizan Darus (Setiausaha Kerajaan Negeri), Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor (Mufti Pulau Pinang), Y.A.A. Dato' Abdul Walid Abu Hassan (Ketua Hakim Syarie Pulau Pinang), Dato' Maktar Shapee (Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang) dan Dato' Sazali Hussein, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) antara pemimpin Kerajaan Negeri yang turut hadir pada majlis sambutan tersebut.

Pada majlis berkaitan, Pengarah Pusat Transformasi Insan, Profesor Madya Datuk Al-Ustaz Ellias Zakaria dianugerahkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Negeri Pulau Pinang pada tahun ini.

Ellias, 59, menerima sehelai jubah berwarna



DR. Abdul Rahman Abbas (dua dari kiri) menyampaikan Anugerah Tokoh Maal Hijrah 1437H Pulau Pinang kepada Ellias Zakaria (empat dari kiri) sambil disaksikan Abdul Malik Abul Kassim (kiri sekali), Mohd. Rashid Hasnon (tengah) dan Farizan Darus (kanan sekali) pada Majlis Sambutan Maal Hijrah 1437H/2015M Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

keemasan, medal, trofi, sijil penghargaan serta wang berjumlah RM8,000.

"Anugerah ini saya anggap untuk membentuk perubahan dalam menyumbang bakti dalam melaksanakan tugas-tugas dan menyampaikan dakwah atas prinsip melakukan kerja secara ikhlas kerana Allah SWT."

"Saya fikir ini adalah anugerah berdasarkan sumbangan saya melalui pelbagai institusi atau sukarela selama ini di samping perkhidmatan di peringkat universiti, negeri, kebangsaan dan antarabangsa yang bukan bertujuan untuk menerima anugerah, tetapi semangat 'Saya Sayang USM' yang ada di dalam diri," jelasnya yang juga mantan Yang

di-Pertua MAINPP.

Khadijah Lim Abdullah yang dipilih tokoh "Saudara Kita Cemerlang" pula memberitahu, anugerah serta penghargaan tersebut akan memberi motivasi kepada pasukannya, Islamic Propagation Society International (IPSI) untuk menggandakan kerja-kerja dakwah bukan Muslim di negeri ini.

"Terima kasih kepada Kerajaan Negeri...tidak dilupakan adalah IPSI kerana dari pertubuhan dakwah itulah yang banyak mengajar saya erti hidup dalam Islam," jelas Khadijah, diiringi Pegawai JHEAIPP, Salmah Mohd. Sobri.

Pengerusi Jawatankuasa Kariah Masjid Taman Semilang, Abdul Alim Al-Araby Mohd. Salleh Al-Kahery turut melahirkan penghargaan kerana majlisnya dipilih menerima empat bintang sempena sambutan Maal Hijrah 1437H.

"Ini anugerah pertama yang masjid kita terima antaranya atas kerja-kerja kebajikan yang kita telah lakukan di peringkat kariah."

"Pada masa depan ini, kita akan menubuhkan 'Klinik Ummah' di mana kita akan memberi perkhidmatan kesihatan kepada semua bangsa tidak kira anak Melayu, anak Cina atau anak India terutama kepada anak-anak kariah kita secara percuma," jelas beliau sambil merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri.



ABDUL Alim Araby Mohd. Salleh Al-Kahery (barisan depan, kiri) bersama-sama Mohd. Naqi Md. Ali mempamerkan anugerah diterima.



KHADIJAH Lim Abdullah (depan, kiri) diiringi Salmah Mohd. Sobri mempamerkan plak anugerah yang diterima.

JKKK benteng utama, perlu proaktif tepsis fitnah jahat

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI
Gambar : CHAN LILIAN

GEORGE TOWN – Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) diharap dapat bertindak dengan lebih proaktif terutama dalam menepis fitnah jahat yang dimainkan oleh pihak-pihak tertentu, di peringkat akar umbi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian pada Majlis Penyerahan Watikah Lantikan JKKK di sini baru-baru ini.

Jelasnya, JKKK perlu memainkan peranan penting sebagai benteng utama dalam menyebarkan luas maklumat-maklumat betul berkaitan pentadbiran Kerajaan Negeri dan bertindak secara proaktif dalam satu gagasan.

"JKKK adalah 'orang pertama' yang dicari penduduk sekiranya timbul sesuatu permasalahan."

"Malah, JKKK juga berperanan sebagai 'titik' yang menghubungkan antara Kerajaan Negeri, jabatan-jabatan atau agensi-agensi kerajaan dan rakyat setempat," katanya pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai; Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus; Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri, Ghazali Derahman dan Pegawai-pegawai Daerah dari daerah Barat Daya, Seberang Perai Selatan (SPS)



SEBAHAGIAN ahli JKKK bergambar kenangan bersama-sama Ketua Menteri dan barisan pimpinan Kerajaan Negeri pada Majlis Penyerahan Watikah Lantikan JKKK di sini baru-baru ini.

dan Seberang Perai Utara (SPU).

Turut hadir, bekas Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), Mohamad Sabu dan Pegawai Penerangan Kerajaan Negeri, Zahar Zainul.

Mengulas lanjut, Guan Eng turut memberitahu bahawa dalam

mengukuh dan memantapkan JKKK, Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan beberapa biro yang akan beroperasi sebagai penggerak masyarakat setempat.

"Kukuhnya JKKK akan memberi gambaran kewibawaan Kerajaan Negeri dan sekiranya mekanisme

yang dilaksanakan berkesan maka segala cela dan fitnah jahat dapat ditepis," ujar beliau.

Semua lantikan JKKK berkuatkuasa mulai 1 Oktober 2015 hingga 31 Disember 2015.

Sejumlah 20 unit wakil JKKK hadir dalam majlis tersebut.

@CAT nadi teknologi P. Pinang

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN – Penubuhan *Creative Animation Trigger* (CAT) baru-baru ini adalah mencerminkan usaha Kerajaan Negeri dalam mempromosikan bidang sains, teknologi dan animasi kelompok kreatif di negeri ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, CAT yang ditempatkan di salah sebuah bangunan bersejarah dalam kawasan warisan UNESCO, Wisma Yap Chor Ee (WYCE) tersebut bakal menjadi nadi teknologi Pulau Pinang.

"Ia bakal berfungsi mempercepatkan penubuhan serta pertumbuhan syarikat-syarikat permulaan kreatif berdasarkan teknologi, memupuk bakat-bakat baru dalam bidang pengkomputeran awan (*cloud computing*), aplikasi teknologi, analisa data besar (BDA) dan *internet of things* (IOT).

"Pada masa sama, ia juga bakal membantu mengembangkan bakat anak-anak muda dalam bidang tersebut dengan



BANGUNAN WYCE yang menempatkan CAT.

menggalakkan idea-idea kreatif baru dan teknologi inovatif yang menjadi keutamaan kini," katanya pada Majlis Pelancaran CAT baru-baru ini di sini.

Turut berucap, Pengurus Besar Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Datuk Rosli Jaafar.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Penasihat Khas kepada Ketua Menteri, Datuk Lee Kah Choon dan Ketua Pegawai Operasi MdeC (*Multimedia Development Corporation*), Datuk Ng Wan Peng.

CAT di WYCE akan menempatkan tiga sektor utama di bawah satu bumbung iaitu,



BEBERAPA pengunjung tertarik dengan salah sebuah pameran yang dipamerkan.

Penang @ CAT di aras tiga, CAT (aras dua) dan aras bawah dipajak kepada *Penang Science Cluster*.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, pembentukan kelompok kreatif adalah berteraskan 3T iaitu *Talent* (bakat), Teknologi dan Toleransi idea-idea baru.

"Kejayaan ekonomi Pulau Pinang didorong oleh sektor pembuatan sejak 40 tahun lalu, namun trend industri

semikonduktor global telah beralih kepada IOT baru-baru ini.

"IOT telah mula diguna pakai. Teknologi menggunakan mesin, perisian dan sensor kini menggunakan pengkomputeran awan untuk berkomunikasi antara satu sama lain dan permintaannya semakin meningkat kini," ujar beliau.

Sebarang maklumat lanjut, sila layari laman sesawang www.acatpenang.com.

GDVT tingkat bakat modal insan, kekal P. Pinang negeri berdaya saing

Gambar : LAW SUUN TING



J U E R G A N
Schloesser.

BAYAN LEPAS – Penajaan Kerajaan Negeri berjumlah RM2 juta dalam Program Latihan Berkenaan Vokasional Jerman (GDVT) merupakan langkah penting bagi meningkatkan bakat dan kemahiran modal insan negeri ini terutamanya dalam mengekalkan Pulau Pinang sebagai negeri yang berdaya saing.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, program latihan tersebut merupakan sistem latihan vokasional Jerman yang pertama dan seumpamanya di Malaysia.

"Kerajaan Negeri berharap menerusi kerjasama tersebut, ia mampu melahirkan antara 500 hingga 600 tenaga kerja mahir kelak bagi mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dan meningkatkan kemahiran segmen tenaga kerja di sini khususnya.

"Justeru, kita (Kerajaan Negeri) mengalu-alukan semua syarikat yang berpangkalan di Pulau Pinang, sama ada dari syarikat multinasional (MNC) atau industri perusahaan kecil dan sederhana (SME) untuk menyertai program ini," katanya pada Majlis Menandatangani GDVT di sini baru-baru ini.

Pemeteraian tersebut adalah antara Pusat Kemahiran dan Pembangunan Pulau Pinang (PSDC) dengan *Malaysia-German Chamber of Commerce and Industry* (MGCC) dan beberapa syarikat lain yang 'berasal' dari Jerman.



KETUA Menteri sambil berjabat tangan bergambar kenangan dengan para penggiat industri dan pelajar-pelajar terpilih mengikut program GDVT pada majlis menandatangani persefahaman bersama di sini baru-baru ini.

Syarikat-syarikat berkaitan adalah, B Braun Medical Supplies Sdn. Bhd.; Carsem (M) Sdn. Bhd.; Dynacraft Industries Sdn. Bhd.; Inari Technology Sdn. Bhd.; Osram Opto Semiconductors (M) Sdn. Bhd.; Robert Bosch (M) Sdn. Bhd dan Southern Steel Berhad.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Profesor Dr. P. Ramasamy, Pegawai

Kewangan Negeri, Dato' Mokhtar Mohd. Jait, Pengurus Besar investPenang, Loo Lee Lian, Pengarah Eksekutif Penang Institute, Zairil Khir Johari, Ketua Pegawai Eksekutif PSDC, Muhammed Ali Hajah Mydin dan Pengerusi PSDC, Juergen Schloesser.

Dalam pada itu, Schloesser memberitahu bahawa pelaburan tersebut merupakan suatu langkah bijak.

"GDVT sebenarnya menggalakkan penekalan pekerja dan pada masa sama, membangunkan bekalan pekerja yang cemerlang, terlatih dan kompeten dari segi teknikal sebagai saluran tenaga kerja mahir untuk keperluan perniagaan masa depan," ujar beliau.

Sebagai projek GDVT, seramai 22 pelajar terpilih mengikut program berkaitan.

Profesionalisme tiga penguatkuasa MBPP depan provokasi dipuji

Oleh : **ZAINULFAQAR**

YAACOB

Gambar : **LAW SUUN TING & SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN -

Profesionalisme tiga penguatkuasa wanita dalam melakukan penguatkuasaan terhadap pemilik kenderaan yang didapati menyalahi undang-undang sungguhpun berdepan dengan penghinaan daripada dua lelaki, sebagaimana diviralkan dalam satu klip video berdurasi dua minit baru-baru ini, wajar menjadi contoh bagi semua kakitangan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata demikian sebelum menyampaikan insentif berjumlah RM200 masing-masing kepada Zarina Othman serta dua rakannya, Siti Asa Abu Bakar dan Sabrina Mohd. Sabri.

"(Mereka) telah menjalankan tugas dengan sungguh profesional

dan tidak ambil peduli tentang provokasi-provokasi yang dihadapi semasa mereka menjalankan tugas.

"Saya ingin ucapan tahniah dan syabas kerana mereka telah menjaga maruah MBPP..kita (Kerajaan Negeri) harap sikap profesional ini yang akan jadi contoh," katanya pada majlis sidang media khas di sini baru-baru ini.

Bercakap pada sidang media sama, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail berkata, pihaknya merakamkan penghargaan atas sokongan dan motivasi yang ditunjukkan oleh Kerajaan Negeri kepada "pasukannya".

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti) dan Wong Hon Wai (Ahli Dewan Undangan Negeri Air Itam merangkap Setiausaha Politik



ONG Ah Teong (kiri sekali) dan Mohamed Yusoff Mohd. Noor (dua dari kiri) bersama-sama Ahli-ahli Majlis MBPP lain menayangkan klip video yang menunjukkan sikap dua lelaki terhadap pasukan penguatkuasa MBPP yang menjalankan tugas diamanahkan.

kepada Ketua Menteri) turut hadir pada majlis pemberian insentif tersebut.

Hadir sama, Setiausaha MBPP, Ir. Ang Aing Thye, Ong Ah Teong (Ahli Majlis MBPP) dan Salehudin Hashim (Pengarah Penguatkuasa MBPP).

Klip video berdurasi dua minit yang diviralkan itu antara lain mendedahkan salah seorang lelaki berkenaan memanggil "anjing" sambil melemparkan duit kompaun salah laku parkir kenderaan kepada salah seorang penguatkuasa MBPP.

Dalam pada itu, Zarina yang ditemui kemudian memberitahu bahawa sokongan Kerajaan Negeri dan MBPP memberi semangat kepada beliau serta dua rakan lain untuk melaksanakan tugas dengan profesional.

"Provokasi semasa menjalankan tugas ini memang selalu kami hadapi, tetapi kali ini paling mencabar."

"Apabila dapat sokongan tidak berbelah-bahagi daripada Y.A.B.



(Dari kiri), SABRINA Mohd. Noor Sabri, Zarina Othman dan Siti Asa Abu Bakar menunjukkan insentif penghargaan diterima daripada Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri sendiri, Datuk (Bandar) MBPP dan beberapa Ahli Majlis, kami akan meningkatkan mutu perkhidmatan kami semasa dalam tugas," jelas Zarina kepada wartawan.

Sebelum itu, Ahli Majlis MBPP, Mohamed Yusoff Mohd. Noor mendesak tindakan tegas diambil terhadap dua lelaki berkenaan kerana dilihat mengganggu kakitangan kerajaan melaksanakan tugas.

"Sepatutnya jika mana-mana pihak yang disaman tidak berpuas hati dengan tindakan yang dikenakan, mereka boleh membuat aduan terus kepada MBPP.

"Bukannya berkelakuan biadab dengan mencaci anggota penguatkuasa dan menghina mereka dengan mencampakkan wang kompaun seperti dilakukan pemuda berkenaan," katanya kepada pada sidang media bersama-sama Ah Teong dan beberapa Ahli Majlis MBPP lain di sini.

P. Pinang batal perintah hapus anjing liar, vaksinasi anti-rabies diteruskan

GEORGE TOWN - Perintah Kawasan Jangkitan Penyakit Anjing Gila (Pulau Pinang) 2015 yang dikuatkuasakan sejak 15 September lalu dimansuhkan pada 12 Oktober baru-baru ini, dengan arahan menghapus anjing liar atau anjing tidak bertuan dihentikan serta-merta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan

Lim Guan Eng bagaimanapun berkata, Perintah Suntikan Pencegahan Penyakit Anjing Gila (Negeri Pulau Pinang) 2015 iaitu vaksinasi anti-rabies ke atas semua anjing bertuan kekal dikuatkuasakan seperti biasa.

"Kerajaan Negeri rela menjalankan vaksinasi awam

sekiranya ada 40,000 vaksin untuk 40,000 anjing liar, tetapi, pada masa itu dan sekarang, vaksin pun tidak mencukupi untuk anjing-anjing bertuan.

"Macam mana kita nak melakukan vaksinasi kalau kita tiada (dibekalkan) vaksin."

"Saya harap janganlah ada lagi (pertubuhan bukan

kerajaan, NGO) yang membuat tohmannan dan fitnah bahawa saya ada makan daging anjing," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan

Utiliti), Wong Hon Wai (Ahli Dewan Undangan Negeri Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri), Dato' Patahiyah Ismail (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP) dan Ir. Ang Aing Thye (Setiausaha MBPP) turut menyertai sidang media itu.

Waktu operasi baru bina 'special span', mulai 12 Okt.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN – Tempoh masa untuk kerja-kerja pembinaan rentang tuju istimewa (*special span*) bagi projek menaiktaraf Lebuhraya Bayan Lepas (BLE) dari Batu Maung ke Queensbay, Sungai Nibong akan ditambah 102 jam seminggu, bermula 12 Oktober lalu.


Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap, projek Kerajaan

Pusat itu dapat disiapkan sepenuhnya mengikut jadual pada bulan Jun tahun depan, tanpa kesesakan trafik yang teruk serta sebarang kemalangan jiwa.

"(Kerja-kerja pemajuan) akan dilaksanakan setiap hari, tetapi mengikut masa yang ditetapkan.

"Waktu puncak (sebelum jam 9) pagi tiada masalah (trafik) kerana jalan-jalan ini masih dibuka, tetapi, pada waktu lain, kita (Kerajaan Negeri) berharap semua pengguna boleh ambil perhatian.

"(Pemaju) mesti fleksibel dan ada budi bicara supaya tidak lagi berlaku kesesakan (trafik), kalau tidak mesti terima arahan (penangguhan kerja-kerja) daripada saya lagi," katanya pada majlis sidang



RUPA bentuk *special span* yang kini dalam proses pembinaan.

media di sini baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti), Dato' Patahiyah Ismail (Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang, MBPP), Ir. Ang Aing Thye (Setiausaha MBPP) dan Timbalan Pengarah Jabatan Kejuruteraan MBPP, A. Rajendran turut hadir pada sidang media tersebut.

Hadir sama, Ketua Penolong Pengarah Kanan Unit Projek Khas Zon Utara bagi Jabatan Kerja Raya (JKR), Mohd. Yusup Zahidin dan Ir. Ismade Ismail (Pengurus Pemajuan bagi UEM Builders Bhd.).



IR. Ismade Ismail (depan, kanan sekali) dan A. Rajendran (depan, tengah) pada sidang media di sini.

Menurut Guan Eng, ketetapan terbaru mengenai projek Kerajaan Pusat itu diputuskan selepas mempertimbang syor Panel Jurutera Pakar Bebas yang dilantik oleh Kerajaan Negeri dan cadangan-cadangan daripada Persatuan Syarikat Perindustrian Bebas (Freppena) serta mengambil kira kepentingan penduduk secara amnya.

Beliau memberitahu, jalan-jalan berwajib akan ditutup dari 9 malam hingga 5 pagi serta dari 9 pagi hingga 12.30 tengah hari pada hari bekerja, Isnin hingga Jumaat.

"Manakala pada hari Jumaat hingga pagi Isnin, jalan-jalan sama turut akan ditutup mulai jam 9 malam hingga 5 pagi.

"Namun, tiada penutupan jalan dari 9 pagi hingga 12.30 tengah hari pada hari Jumaat sahaja

kerana kita (Kerajaan Negeri) tidak mahu kesesakan trafik semasa orang Islam pergi sembahyang (Jumaat)," jelas Guan Eng lagi.

Terdahulu, kegagalan JKR serta UEM melaksanakan pelan penutupan jalan secara berjadual demi membolehkan kerja-kerja pemasangan tiga bahagian *special span* lebuh raya bertingkat yang merintangi Sungai Keluang dekat Bayan Baru pada 17 Ogos lalu mengakibatkan kesesakan trafik, hatta, menggamit amarah rakyat serta rasa tidak puas hati Kerajaan Negeri.

Kerajaan Negeri mengarahkan pembukaan semula jalan-jalan berwajib dengan kerja-kerja di tapak pemajuan dihentikan serta-merta, untuk penilaian lanjut oleh Panel Jurutera Perunding Bebas yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri.

RMM, golongan berkemahiran tinggi layak pohon ikut syarat

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

GEORGE TOWN – Sejak dengan aspirasi menyediakan perumahan rumah mampu milik (RMM) untuk rakyat, Kerajaan Negeri kini menawarkan kemudahan kepada mereka yang berkemahiran tinggi, berbakat besar dan kompetensi untuk memohon unit berkaitan di sini.

Perkara itu dinyatakan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo pada sidang media di Komtar baru-baru ini.

Hadir sama, ahli-ahli Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC), Phee Boon Poh (Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar) dan Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan).

Pengurus Besar investPenang (iP), Loo Lee Lian dan beberapa pemain utama industri di Pulau Pinang turut sama dalam sidang media berkaitan.

Jelas Jagdeep, sebelum ini, iP telah mengemukakan cadangan agar memberi kemudahan khas kepada golongan berkemahiran tinggi yang bekerja dan menyumbang bakti terhadap kelestarian pembangunan ekonomi Pulau Pinang untuk memohon rumah mampu milik.

Cadangan tersebut adalah berdasarkan kaji selidik yang dilakukan iP iaitu dengan anggaran sehingga 13,000 peluang pekerjaan



(Dari kiri), PHEE Boon Poh, Loo Lee Lian, Jagdeep Singh Deo dan Dr. Afif Bahardin menunjukkan risalah kategori baharu permohonan RMM Pulau Pinang pada sidang media di sini baru-baru ini.

baru diramal akan wujud, terutama dalam bidang memerlukan tenaga kerja berkemahiran tinggi termasuk kejuruteraan, perakaunan dan teknologi tinggi menjelang tahun 2017.

Berdasarkan kriteria dan kaji selidik itu, SPEC telah bersetuju untuk menerima cadangan tersebut, tetapi ianya tertakluk kepada beberapa pematuhan dan kelayakan ditetapkan (oleh SPEC)," jelas beliau.

Antaranya, Jagdeep memberitahu, pemohon diwajibkan untuk berada di Pulau Pinang sekurang-kurangnya lima tahun dari tarikh penyerahan kunci unit rumah selain mematuhi syarat-syarat permohonan lain.

"Malah, SPEC juga tidak akan menetapkan peratusan atau kuota

tertentu dari mana-mana projek perumahan sedia ada untuk kategori baharu ini, sebaliknya (SPEC) akan memberi pertimbangan wajar sekiranya pemohon-pemohon (berkaitan) benar-benar layak untuk memohon.

"Sebagaimana maklum, kita (SPEC) juga perlu memenuhi permintaan rakyat Pulau Pinang yang telah tersenarai dalam senarai menunggu dan senarai pertimbangan.

"Bagi mengelakkannya disalah guna, SPEC telah pun menggariskan beberapa pematuhan, termasuk seseorang pemohon adalah atau 'menjadi' pengundi berdaftar di negeri ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat.

Laksana COMBI tangani wabak denggi

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

GEORGE TOWN

– Kerajaan Negeri memperkenalkan Sistem Penggredan Kampung Combi (komunikasi untuk perubahan tingkah laku) – COMBI sebagai pendekatan bagi menangani penularan wabak denggi di negeri ini bermula Oktober 2015.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr Afif Bahardin berkata, COMBI merupakan suatu strategi dinamik yang menggunakan kaedah mobilisasi sosial dan komunikasi dalam mempengaruhi perubahan tingkah laku masyarakat ke arah persekitaran bebas denggi.

"Inovasi penggredan ini merupakan salah satu kaedah hebahan atau nasihat kepada kelompok sasaran. Ia diukur berdasarkan kadar peratusan jumlah tempat pembiakan nyamuk aedes yang dijumpai di dalam dan di luar rumah penduduk setempat.

"Justeru itu, setiap rumah yang telahpun diperiksa akan dinilai dengan gred yang bersesuaian (A, B, C, D atau E) mengikut tahap kebersihan kawasan perumahan masing-masing.

"Gred-gred ini kemudiannya akan dianalisa bagi mendapatkan status pembiakan denggi pada setiap bulan



DR. Afif Bahardin (dua dari kanan), Mohd. Tuah Ismail (dua dari kiri) dan wakil-wakil COMBI Kampung Titi Teras menunjukkan kad kriteria penggredan bagi menangani wabak denggi pada sidang media di sini baru-baru ini.

bagi sesuatu kawasan," jelasnya pada sidang media ketika mengumumkan pelaksanaan inisiatif berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan wakil pasukan COMBI Kampung Titi Teras, Balik Pulau.

Sehingga kini, terdapat 120 jawatankuasa COMBI di seluruh negeri sejak ianya ditubuhkan pada tahun 2005.

Mengulas lanjut, Afif memberitahu, projek penggredan tersebut diilham dan dicontohi dari projek inovasi yang dipelopori oleh COMBI Kampung Titi Teras.

"Kita dapatka kaedah hebahan, komunikasi dan penerangan ini lebih berkesan kepada kelompok sasaran berbanding mengedarkan risalah.

"Sehubungan itu, seluruh ahli COMBI akan diberikan latihan sebelum melakukan penggredan ke setiap rumah di kawasan masing-masing," jelas beliau.

Rompakan kedai emas, polis diseru tambah anggota rondaan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

PERAI – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng melahirkan rasa simpati terhadap pemilik kedai emas di Medan Kurau 1, Taman Chai Leng di sini akibat kejadian rompakan yang menyebabkan pasangan berkaitan kerugian kira-kira RM600,000 baru-baru ini.

Pada masa sama, beliau turut melahirkan rasa terkejut dengan tindakan suspek yang begitu berani melakukan rompakan di lokasi padat iaitu berhadapan Pasar Besar Taman Chai Leng.

"Saya ada menghubungi Ketua Polis Negeri, Datuk Wira Abdul Rahim Hanafi berkenaan kejadian ini.

"Saya juga memohon kepada beliau supaya keanggotaan polis dapat ditambah terutamanya dalam menjalankan rondaan di kawasan ini bagi mengembalikan

keyakinan orang ramai terhadap kredibiliti pasukan keselamatan berkaitan," katanya pada sidang media selepas lawatan terhadap mangsa dan lokasi kejadian di sini baru-baru ini.

Turut serta, Timbalan Ketua Menteri II yang juga merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Kerja Raya, Utiliti dan Pengangkutan merangkap ADUN Bagan Jermal, Lim Hock Seng; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar merangkap ADUN Sungai Puyu, Phee Boon Poh dan Ahli Parlimen Batu Kawan, P. Kasthuriraani.

Dalam kejadian 29 September lalu, empat suspek bersenjatakan pistol bertindak merompak sebuah premis emas di Medan Kurau 1, Taman Chai Leng, Perai.

SEORANG anggota polis sedang membuat kawalan di kawasan berhampiran.



KETUA Menteri ketika mengadakan lawatan ke premis mangsa rompak di Medan Kurau 1, Taman Chai Leng di sini baru-baru ini.



Tangguh GST, projek KN untuk kepentingan awam bukan untung perniagaan - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**

JAWI – Sebuah jambatan merentasi Sungai Berembang yang menghubungkan Jawi dan Sungai Aceh akan dibina di sini, dengan peruntukan Kerajaan Negeri kira-kira RM40 juta.

Justeru, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sekali lagi merayu Kerajaan Pusat supaya menangguhkan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), yang didakwa turut membebankan Kerajaan Negeri.

Serentak itu, beliau turut merakamkan penghargaan kerana projek penarafan Padang Taman Berjaya Nibong Tebal serta bumbung gelanggang bola keranjang dan sepak takraw di sini siap dengan menggunakan peruntukan Ketua Menteri sebanyak RM400,000.

"Dengan kos RM40 juta, 'berat', sungguhpun ditambah dengan 6 peratus GST, kita (Kerajaan Negeri) akan tetap meneruskan projek ini kerana kita ada wang (surplus), jika tidak, tentu projek inipun terpaksa ditangguhkan."

"GST perlu ditangguhkan pelaksanaannya kerana projek Kerajaan Negeri ini benar-benar untuk

kepentingan awam, dan bukan untuk keuntungan perniagaan.

"Ini wang peruntukan daripada Kerajaan Negeri yang kita gunakan demi rakyat tanpa mengira kaum, baik Melayu, Cina mahupun India.

"Projek penarafan ini untuk kegunaan seluruh rakyat Pulau Pinang, khususnya penduduk Jawi di sini," ucapnya sebelum menyempurnakan Majlis Pelepasan Larian Karnival Pesta Tanglung Kedua 2015 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Chong Eng di dalam ucapannya turut merakamkan penghargaan kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee kerana berjaya menganjurkan Pesta Tanglung selama seminggu sebagaimana pada tahun lalu.

Dalam pada itu, Lip Chee yang merakamkan penghargaan kepada Guan Eng kerana meluluskan peruntukan penarafan dua projek di Taman Berjaya itu turut memberitahu bahawa pihaknya pada pertengahan tahun 2013 turut menambah empat unit permainan terbuka di Padang Taman Berjaya, yang menelan belanja RM12,500.

TAWARAN PENGECUALIAN FAEDAH BAGI SEMUA PEMINJAM PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Mulai 1 Oktober 2015 hingga 31 Disember 2015

Kerajaan Negeri Pulau Pinang menawarkan pengecualian faedah bagi peminjam-peminjam yang bersetuju menyelesaikan keseluruhan baki pinjaman atau tunggakan pinjaman secara sekaligus (*Lump Sum*).

Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut sila hubungi Pentadbiran ini seperti di bawah :

Alamat

Unit Pinjaman Penuntut
Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kewangan
Pejabat Setiausaha Kerajaan
Negeri Pulau Pinang
Tingkat 29, KOMTAR
10503 PULAU PINANG

Telefon

04-6505165 / 5391 / 5599 / 5627
Faks
04-2613453
Email
farahhanim@penang.gov.my
rizalzli@penang.gov.my
roos@penang.gov.my



KN komited mantap pembangunan infrastruktur negeri

Teks & Gambar :
ZAINULFAQAR YAACOB

JAWI – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, sebanyak RM400,000 diluluskan untuk Jabatan Kerja Raya (JKR) Pulau Pinang bagi menaiktaraf Jalan Ban Sungai Udang di sini sepanjang 1.23 kilometer, dari kelebaran asal 5.3 meter kepada 7 meter.

Katanya, projek tersebut termasuk dalam peruntukan melaksana projek-projek jalan raya bagi tahun 2015 yang keseluruhannya berjumlah RM32.7 juta kerana Kerajaan Negeri komited memantapkan pembangunan infrastruktur bandar dan luar bandar, yang diyakini memangkin pada perkembangan ekonomi rakyat.

"Dalam aspek ekonomi, jalan raya merupakan penyumbang utama kepada peningkatan taraf hidup penduduk setempat sama ada pada aspek perniagaan, pendidikan, keselamatan dan sosio-ekonomi," ucapnya dalam Majlis Penarafan Jalan Ban Sungai Udang di sini baru-baru ini.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan

& Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam turut memasyurkan Jalan Ban itu sebagai Jalan Negeri Sungai Udang.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Dato' Maktar Shapee (Ahli Dewan Undangan Negeri Sungai Bakap merangkap Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang), Soon Lip Chee (ADUN Jawi), Ahli Parlimen Nibong Tebal, Dato' Mansor Othman dan Ir. Salleh Awang (Pengarah JKR Negeri) turut menyertai majlis perasmian tersebut.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng sekali lagi merayu kepada Kerajaan Pusat supaya pelaksanaan 6 peratus Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) dikecualikan ke atas projek-projek awam yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri.

Menurut beliau, projek penarafan Jalan Ban umpamanya bukanlah berorientasi keuntungan dan jelas-jelas untuk kepentingan rakyat.

"Mengapa angkat untung



KETUA MENTERI sambil ditemani Mohd. Rashid Hasnon (tujuh dari kanan), Mansor Othman (berbaju batik biru hijau) dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri menyempurnakan Majlis Penarafan Jalan Ban Sungai Udang di sini baru-baru ini.

(GST) dari projek Kerajaan Negeri, sedangkan projek ini bukan menjana keuntungan?

"Seperti penarafan dan kerja-kerja pelebaran Jalan Song Ban Kheng sepanjang 3.2 kilometer yang menelan belanja RM20.4 juta, bayangkan

berapa yang terpaksa dibayar jika 6 peratus GST dikenakan oleh Kerajaan Pusat sedangkan projek Kerajaan Negeri ini bukan berorientasi perniagaan mahupun keuntungan," ujar Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan.

Justeru, tambah beliau,

pelaksanaan GST bukanlah untuk memacu perkembangan ekonomi negeri, tetapi lebih pada membayai lambakan hutang, seperti skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang dikatakan mencecah lebih RM42 bilion.

Jalur lebar pantas galak pelabur industri telekomunikasi ke PP

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : ALISSALA THIAN

GEORGE TOWN – Kerajaan Negeri baru-baru ini menandatangani Non Disclosure Agreement (NDA) dengan 11 syarikat telekomunikasi dalam usaha menyediakan perkhidmatan jalur lebar lebih besar dan kelajuan internet lebih pantas di negeri ini.

Selaras itu, turut diwujudkan sebuah platform khas dikenali, Majlis Telekomunikasi Negeri (PCC) bagi pemudahcara perhubungan dua hala Kerajaan Negeri dengan pihak penggiat industri telekomunikasi.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, perkhidmatan jalur lebar yang lebih pantas diperlukan kerana pasaran kini bergerak ke arah tiga bidang kritikal utama iaitu, pengkomputeran awan (*cloud computing*), analisis data besar (*big data analysis*) dan *internet of things*.

"Dengan adanya PCC, kerjasama antara semua syarikat telekomunikasi akan menjadi lebih kukuh dan secara tidak langsung bakal membantu menjayakan pelaksanaan pemasangan *Fiber Forward Penang* (FFP).

"Serentak itu, kita (Kerajaan Negeri) juga dapat melaksanakan kerja-kerja pemasangan fiber di seluruh negeri dengan lancar dan seterusnya membantu Pulau Pinang mencapai status sebagai sebuah



WAKIL syarikat-syarikat telekomunikasi yang hadir.

negeri pintar yang lebih teratur dengan bekalan kelengkapan perkhidmatan internet lebih baik," katanya pada sidang media selepas Majlis Menandatangani Non Disclosure Agreement (NDA) Antara Kerajaan Negeri Bersama-sama Syarikat Telekomunikasi dan Majlis Pelantikan Ahli-ahli PCC di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir merangkap Pengurus PCC, Chow Kon Yeow, Exco Kerja Raya Utiliti dan Pengangkutan, Lim Hock Seng, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Abu Jamal

Nordin.

Keseluruhan, seramai 31 Ahli PCC dilantik terdiri daripada wakil-wakil agensi Kerajaan Negeri, Persekutuan dan syarikat-syarikat telekomunikasi.

Mengulas lanjut, Guan Eng menyifatkan bahawa usahasama tersebut merupakan suatu pencapaian besar bagi negeri ini kerana ia mampu memberangsangkan keseluruhan sistem perkhidmatan di Pulau Pinang ke tahap antarabangsa.

"Kita (Kerajaan Negeri) berharap dapat mencapai kelajuan internet sama seperti (kelajuan) bandar antarabangsa pada masa akan datang yang secara tidak langsung bakal menggalakkan pelabur-



FARIZAN Darus (duduk, kanan) dan Abu Jamal Nordin (duduk, kiri) sebagai wakil Kerajaan Negeri menandatangani NDA Antara Kerajaan Negeri Bersama-sama Syarikat Telekomunikasi di sini baru-baru ini.

pelabur khususnya dari industri telekomunikasi ke negeri ini," ujar beliau.

Dalam pada itu, Kon Yeow memberitahu, dasar FFP dicetuskan dengan memberi penekanan kepada tiga perkara iaitu, tiada unsur monopoli, kesinambungan serta kebolehcapaian rekod jaringan telekomunikasi.

"Selepas penubuhan PCC, pembekal perkhidmatan telekomunikasi akan pemetaan gentian optik masing-masing kepada PCC dan ahli-ahli jawatankuasa akan mengkaji semula serta membuat pemeriksaan lanjut berhubung perkara tersebut," jelas beliau.

"Ini bermakna, hanya sebuah syarikat (telekomunikasi) sahaja akan dibenarkan memasang kabel di kawasan-kawasan tertentu. Pembekal perkhidmatan lain yang ingin menjalankan perniagaan di koridor yang sama perlu menyewa daripada pembekal tersebut.

"Umumnya, syarikat-syarikat telekomunikasi telah mengemukakan pemetaan gentian optik masing-masing kepada PCC dan ahli-ahli jawatankuasa akan mengkaji semula serta membuat pemeriksaan lanjut berhubung perkara tersebut," jelas beliau.

Melabur dalam pendidikan adalah pelaburan masa depan - KM

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

BUKIT TAMBUN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merasmikan pembukaan Sekolah Antarabangsa GEMS Pulau Pinang (GEMS) di Bandar Tasek Mutiara dekat Daerah Seberang Perai Selatan (SPS) di sini baru-baru ini.

Katanya, pelaburan RM55 juta oleh GEMS dalam pembangunan sekolah tersebut sekaligus adalah (pelaburan) untuk generasi masa depan di negeri ini.

“Untuk memenangi masa depan, anda perlu melabur dalam masa depan, terutamanya golongan muda.

“Kerajaan Pulau Pinang berpegang kuat dengan satu kepercayaan bahawa pelaburan dalam pendidikan adalah bermakna melabur dalam masa depan,” ucapnya pada majlis perasmian tersebut di sini baru-baru ini.

Turut berucap, Ketua Pengarah Eksekutif merangkap Ahli Lembaga GEMS Education,

Tom Collin dan Dino Varkey (Pengarah Eksekutif Kumpulan merangkap Ahli Lembaga GEMS Education).

Turut hadir, Timbalan Ketua Menteri II merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Profesor Dr. P. Ramasamy, Dr. Afif Bahardin (Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan merangkap ADUN Seberang Jaya), Dato' Maktar Shapee (Timbalan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang merangkap ADUN Sungai Bakap), Soon Lip Chee (ADUN Jawi) dan P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan).

Seri GEMS Education, Guan Eng memberitahu, syarikat penjagaan kesihatan swasta antarabangsa terkenal, Hospital Columbia Asia dan gedung pasaraya IKEA pertama di Utara Semenanjung Malaysia turut melabur di kawasan ‘bandar satelit’ SPS, yang merangkumi lokasi segi tiga antara Batu Kawan, Cangkat dan Bukit Minyak, di sini.

“Di sini akan menjadi destinasi pelaburan yang penting untuk Pulau Pinang kerana pelabur seperti GEMS Education sendiripun memilih kawasan ini untuk pelaburan dalam bidang pendidikan mereka,” katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam.

Dalam pada itu, Varkey dalam ucapannya memberitahu bahawa sekolah seumpama di sini akan menyertai lebih 100 sekolah K12 di 19 negara, meliputi Timur Tengah, Amerika Utara, Eropah hingga ke Afrika dan Asia.

Rangkaian itu, jelas beliau, adalah terdiri daripada lebih 250,000 pelajar dari 151 negara, di



KETUA MENTERI merakam gambar kenangan bersama-sama pelajar-pelajar GEMS pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

bawah didikan lebih 20,000 tenaga pendidik profesional.

“Ini merupakan satu lembaran baru dalam sejarah Kumpulan GEMS Education, khususnya sejarah GEMS Education di Malaysia, kerana sekolah ini adalah pertama daripada sebilangan sekolah rendah dan menengah atau K-12 yang ditubuhkan di pusat bandar dan pinggir bandar di seluruh negara pada dekad yang akan datang,” ujarnya sambil merakamkan penghargaan atas komitmen Kerajaan Negeri.

Manakala, Collin pula dalam ucapannya berharap penubuhan sekolah antarabangsa tersebut mampu menyumbang kepada tarikan lebih ramai pengunjung dan pelabur ke negeri ini, khususnya di daerah SPS.

Difahamkan, sekolah antarabangsa GEMS Education pertama negara tersebut telahpun menerima hampir 200 pelajar meliputi peringkat tadika sehingga tahun sembilan di

bawah bimbingan 28 pendidik profesional.

Sekolah itu didirikan di atas tanah berkeluasan lapan ekar, berhampiran Pearl City Business Park dekat Bandar Tasik Mutiara, Simpang Empat di sini.

Pelbagai kelengkapan infrastruktur bertaraf antarabangsa di sekolah tersebut, antaranya, kemudahan ICT bersepada, perpustakaan, teater kotak hitam, makmal sains, bilik muzik dan kesenian, studio tarian, dua dewan sukan, padang bola, gelanggang bola keranjang, gelanggang bola sepak lima sebelah dan dua kolam renang.

Selain itu, ruang pembelajaran dalaman dan luaran yang dirancang rapi di sekolah tersebut sekaligus membezakan kampus bertaraf antarabangsa itu dengan sekolah-sekolah lain di negeri ini.

Maklum balas lanjut mengenai GEMS, layari laman web, www.gemsinternationalschool-pearl.com.



SEBAHAGIAN aktiviti pembelajaran.

Projek CSR DNP Land bawa mesej perpaduan kaum

BUKIT TENGAH – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merakamkan penghargaan kepada syarikat pemaju, DNP Land kerana berjaya menyiapkan projek pengindahan Bulatan Bukit Tengah melalui program tanggungjawab sosial korporat (CSR).

Baginya, reka bentuk landskap yang unik dengan tema Percambahan Keriangan (Seeds of Joy) sekaligus membawa mesej perpaduan rakyat, iaitu suatu semangat yang senantiasa dijunjung oleh Kerajaan Negeri dan semua kaum di negeri ini.

“Pembangunan landskap di kawasan bulatan ini adalah diambil dari aspek nama asal tempat ini iaitu Bukit Mertajam yang juga merupakan nama bagi sepohon Pokok Mertajam (*Erioglossum Rubiginosum*).

“Buah Mertajam juga simbolik kepada satu kelompok dan komposisi bangsa dari pelbagai kaum Melayu, Cina, India dan lain-lain, ia mencerminkan perpaduan yang wujud di tempat ini,” ujarnya pada majlis perasmian projek

pemajuan tersebut di sini baru-baru ini.

Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti, Lim Hock Seng, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee, A. Thanasekharan (ADUN Bagan Dalam), P. Kasthuriraani (Ahli Parlimen Batu Kawan) dan Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif turut serta majlis tersebut.

Hadir sama, Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud serta beberapa Ahli Majlis lain, Datuk Roger Chan Wan Chung (Pengarah Eksekutif DNP Land) dan Tan Kok Cheang (Pengurus Besar Kanan DNP Land).

Reka bentuk landskap Bulatan Bukit Tengah berdiameter 80 meter panjang tersebut antara dihiasi 47 pokok kurma, 3,848 meter persegi rumput karpet, dan lengkap dengan pemasangan papan tanda “Selamat Datang Ke Seberang Perai” dan “Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang”.

RUPA bentuk Bulatan Bukit Tengah.



Majlis Pengangkutan P. Pinang fokus aspek pelaksanaan 'pelan induk' - Exco

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN – Pelantikan 21 anggota Majlis Pengangkutan Pulau Pinang (PTC) tanpa partisipasi rasmi daripada perunding pakar dan wakil pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi tempoh dua tahun mulai 1 Oktober 2015 hingga 30 September 2017 dipersoal baru-baru ini.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, PTC yang baru dilantik hanya berperanan melaksanakan Pelan Induk Pengangkutan Pulau Pinang (TMP), iaitu dokumen rasmi Kerajaan Negeri yang dihasilkan pada 23 Mac 2013 dengan membabitkan syor-syor daripada perunding pakar dan wakil NGO sendiri.

“Fokus (PTC) pada koordinasi pelaksanaan, maka, fokus lebih pada agensi kerajaan.

“Sebab itulah, keanggotaan majlis ini melibatkan (pihak) kerajaan dan agensi kerajaan sahaja,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota di sini baru-baru ini.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan wartawan, selepas Majlis Pelantikan Ahli Majlis PTC yang disempurnakan Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng.

Guan Eng dalam ucapannya berkata, tujuan penubuhan PTC pada tahun 2009 adalah untuk menangani cabaran kesesakan trafik di negeri ini.

“Penang Transport Master Plan



KETUA Menteri merakamkan gambar kenangan dengan anggota PTC pada majlis pelantikannya di sini baru-baru ini.

(TMP) bernilai RM27 bilion yang merupakan projek infrastruktur kedua besar dalam sejarah Malaysia, akan mengubah wajah Pulau Pinang sebaik ia siap pada tahun 2030.

“Dan, yang lebih penting ia (TMP) juga akan menjadi pemangkin ekonomi yang boleh menjamin masa depan dan pembangunan mampan Pulau Pinang sehingga tahun 2050,” ucapnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap ADUN Air Putih.

Difahamkan, TMP merangkupi lima mood pengangkutan awam seperti bas, teksi, transit aliran ringan (LRT), trem, kereta kabel, feri dan teksi air.

“Ia (TMP) akan melibatkan pembinaan jalanraya, lebuhraya, terowong bawah dasar laut, landasan keretapi LRT, pengangkutan air dan kereta kabel yang merentasi udara dari pulau ke Seberang Perai,” jelas beliau.

Pada pertengahan Ogos lalu, Konsortium SRS dipilih menjadi Rakan Pelaksana Projek (PDP) bagi TMP bernilai RM27 bilion, mulai sekarang hingga tahun 2030.

Konsortium SRS terdiri oleh Gamuda Berhad serta dua syarikat dari Pulau Pinang, Loh Phoy Holdings Sdn. Bhd. dan Ideal Property Development Sdn. Bhd..

Konsortium SRS di bawah Datuk Lin Yun Ling (Pegawai Eksekutif Gamuda Berhad) perlu mendapatkan semua kelulusan berwajib daripada Kerajaan Pusat dalam tempoh enam bulan, atau menanggung segala kos pengurusan, jika gagal kelak.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu bahawa pihaknya berharap PTC akan memainkan peranan penting dalam memastikan rancangan pembangunan *big-bang* tersebut oleh PDP mengikut landasan PTC.



LAKARAN grafik Taman Lebuh Armenian yang siap dinaik taraf kelak.

Naik taraf Taman Lebuh Armenian bakal tambah nilai estetika

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **LAW SUUN TING**

GEORGE TOWN – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berharap penarafan Taman Lebuh Armenian di kawasan tapak warisan UNESCO di sini bakal merangsang impak positif kepada jaringan pengunjung dan kualiti hidup rakyat Pulau Pinang terutamanya buat penduduk yang tinggal berdekatan.

Projek bernilai RM1.2 juta dengan keluasan 3,600 meter persegi tersebut dijangka siap sepenuhnya pada Februari 2016.

Guan Eng berkata, projek tersebut adalah sebahagian daripada langkah berterusan untuk memulih semula dan memelihara kawasan George Town.

“Kerajaan Negeri telah melaksanakan pelbagai pendekatan serta program bagi meningkatkan taraf kualiti hidup penduduk sekitar kawasan ini (George Town).

“Antaranya, *Greening George Town* pada tahun 2010 bersama-sama Datuk Bandar Adelaide yang bertujuan meningkatkan laluan pejalan kaki di dalam tapak warisan.

“Diikuti dengan *Car Free Day* di sekitar George Town (2011), penyediaan lorong basikal di sekitar pulau dan pelaksanaan kempen PENBAR (Pulau Pinang Bebas Asap Rokok) bagi membentuk masyarakat dan persekitaran yang lebih kondusif serta sihat untuk didiami,” ucapnya pada Majlis Pecah Tanah Projek Menaik Taraf Taman Lebuh Armenian di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam merangkap Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri, Wong Hon Wai dan Setiausaha Bandaraya Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Ang Aing Thye.

Projek menaiktaraf Taman Lebuh Armenian adalah hasil kerjasama antara MBPP, *George Town World Heritage Incorporated* (GTWHI), Think City Sdn. Bhd. dan *Aga Khan Trust for Culture* yang turut berganding bahu menaiktaraf taman kejiranan Lebuh Acheh.

Dalam pada itu, tambah Guan Eng, kerja-kerja penarafan adalah merangkumi tanaman landskap, laluan pejalan kaki dan pemasangan lampu yang akan menambah nilai estetika pada taman tersebut.

“Bagi gelanggang bola keranjang, ia akan dikekalkan, tetapi akan diorientasikan semula sebagai ruang acara serbaguna.

“Manakala, Dewan Belia Perbandaran Lebuh Acheh akan dibaik pulih

RUPA bentuk Taman Lebuh Armenian kini.



SEBAHAGIAN kanak-kanak yang menyertai pertandingan mewarna bertemakan “Terima Kasih Malaysia, Saya Sayang Malaysia” sempena sambutan Hari Penghargaan Sedunia di PPAPP di sini baru-baru ini.

perlu dipertahankan dengan rasa kasih sayang terhadap negara, agar tanah air kita tidak bergolak seperti di beberapa negara di Timur Tengah sekarang,” jelas Zulkifli.

Pengarah PPAPP, Sharimah Salleh sebelum itu turut memberi penjelasan mengenai latar belakang majlis keraian Hari Penghargaan Sedunia.

“Hari Penghargaan Dunia asalnya diraikan di Amerika Syarikat pada



Keamanan di dalam negara ini

KN, PIBG kerjasama atasi masalah sesak kawasan sekolah

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : LAW SUUN TING

GEORGE TOWN - Kerajaan Negeri bakal bekerjasama dengan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah masing-masing bagi mengatasi masalah kesesakan lalulintas di kawasan sekolah pada waktu puncak.

Perkara tersebut dinyatakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Itam, Wong Hon Wai ketika mengadakan lawatan pemantauan kerja-kerja pengecatan semula jejantas pejalan kaki berhadapan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) Shang Wu di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Syerleena Abdul Rashid dan wakil jawatankuasa SJKC Shang Wu, Chong Soon Kheng.

Mengulas lanjut, Hon Wai memberitahu, melalui kerjasama

tersebut, pihak-pihak terlibat boleh berkongsi idea dan cadangan bagi memastikan aspek kesesakan dan keselamatan lalulintas di kawasan sekolah dapat diatasi.

"Satu kajian menyeluruh dan kompleks ke arah matlamat tersebut diperlukan.

Justeru, kita (Kerajaan Negeri) dan pihak berkuasa tempatan (PBT) mengalu-alukan sebarang cadangan dan idea berasas daripada ibu bapa mahupun guru-guru bagi mengatasi masalah ini terutamanya melibatkan sekolah-sekolah yang terletak di kawasan bandar," ujarnya yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri baru-baru ini.

Tambah Hon Wai, kos keseluruhan kerja-kerja pengecatan semula dua jejantas pejalan kaki berhadapan SJKC Shang Wu dan SJKC Chung Ling (Persendirian) tersebut adalah berjumlah kira-kira RM13,000 menggunakan peruntukan beliau sebagai ADUN Air Itam.



WONG Hon Wai (depan, kiri sekali), **Syerleena Abdul Rashid** (depan, kanan sekali) dan **Chong Soon Kheng** (tengah) ketika mengadakan lawatan pemantauan kerja-kerja pengecatan semula jejantas pejalan kaki berhadapan SJKC Shang Wu di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Soon Kheng turut menyokong cadangan kerjasama antara Kerajaan Negeri dan pihak PIBG dalam menyelesaikan masalah berkaitan.

"Kita (PIBG) SJKC Shang Wu akan mendapatkan kerjasama MBPP bagi memasang lintasan belang (*zebra crossing*) berhampiran jalan sekolah.

"Cara ini akan memberikan kemudahan kepada ibu bapa dan pelajar untuk masuk dan keluar dari sekolah dengan lebih selamat," ujar beliau.

RUPA bentuk jejantas pejalan kaki yang telah siap dinaiktaraf.



Pasukan floorball negeri juara peringkat kebangsaan

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **AMANDA KHONG XIA LING**

BATU UBAN - Pasukan floorball lelaki dan wanita Pulau Pinang jelas terlalu unggul untuk ditandingi apabila kedua-

dua pasukan tersebut muncul johan pada Kejohanan Floorball Peringkat Kebangsaan yang berlangsung di Sabah pada 4 hingga 6 September baru-baru ini.

Kejayaan tersebut turut diserikan dengan pengiktirafan Anugerah Penjaring Terbanyak (Lelaki) kepada pemain Pulau

Pinang, Chiam Ter Min dengan jumlah jaringan sembilan gol keseluruhan.

Anugerah Pembantu Jaringan Terbanyak (Lelaki) turut dimenangi pemain negeri, Loh Jo-Wye dan Ang Ling Ling (Anugerah Pembantu Jaringan Terbanyak, Wanita).

Pengurus Pasukan, Khor Kwan Yang menzahirkan rasa bangga dengan kejuaraan yang dirangkul pasukan beliau.

"Kemenangan ini adalah kejuaraan ketiga berturut-turut bagi pasukan lelaki dalam kejohanan yang sama. Bagi pasukan wanita, setelah dua kali muncul sebagai naib johan, kini mereka (pasukan wanita) mengikuti jejak langkah sama.

Justeru, kami juga ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak terutamanya Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng, Pengurus Majlis Sukan Negeri (MSN) Pulau Pinang, Frederic Tan Teck An yang tidak putus-putus



AHLI-ahli pasukan floorball lelaki dan wanita Pulau Pinang masing-masing menunjukkan piala kemenangan yang dimenangi pada Kejohanan Floorball Peringkat Kebangsaan, Sabah baru-baru ini.

memberi sokongan kepada kami," katanya ketika ditemui pada majlis pengumuman kejayaan pasukan berkaitan di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Chong Eng yang turut hadir pada majlis berkaitan berharap pasukan tersebut dapat terus menempa nama negara dan Pulau Pinang pada masa hadapan.

"Saya berharap kita boleh kecapi kejayaan di peringkat antarabangsa pula selepas ini."

"Walau setinggi mana kejayaan yang dijulang, jangan cepat bangga diri,kekalkan sikap rendah diri dan terus tingkatkan momentum latihan kerana pasukan lain pastinya bakal memberi cabaran lebih hebat," ujar beliau.

Floorball merupakan sejenis sukan baru yang bertapak di dalam negara. Ianya mirip sukan hoki ais, yang membezakan ia adalah sukan floorball dimainkan di atas permukaan lantai biasa.

Penang Green Council Job Vacancies

1. Research Assistant

2. Designer and Communication Assistant

For further information, please visit: www.pgc.com.my

Deadline for application: **20 November 2015**

Please email your application to: info@pgc.com.my

*Only shortlisted candidates will be notified.

Pendidikan, mangsa politik terbesar di Malaysia

Oleh : **ZAIRIL KHIR JOHARI**
Ahli Parlimen Bukit
Bendera merangkap
Pengarah Eksekutif
Penang Institute

Serambi
PENANG
INSTITUTE
making ideas work

SETIAP krisis politik pasti menuntut mangsanya. Secara lumrahnya, mereka yang berada pada pihak yang salah sesudah habisnya percaturan kuasa akan terkorban. Demikian jugalah di Malaysia, kita berulang kali melihat ramai menteri dan pegawai berpangkat tinggi dibuang kerja, bersama dengan gerombolan pengikut dan aparat mereka, setiap kali krisis menyelubungi kepimpinan politik negara.

Kesan kegoyahan politik biasanya paling ketara dalam sektor ekonomi. Perubahan positif sudah tentu akan meningkatkan tahap keyakinan, manakala ketidakstabilan akan menyebabkan kehilangan keyakinan pelabur, peralihan keluar modal dan kesan bearis ke atas ekonomi. Oleh itu, adalah tidak mengejutkan apabila Bank Negara sendiri menyatakan bahawa penurunan berterusan nilai matawang ringgit – 40 peratus berbanding dolar AS, sekaligus mencatat prestasi paling teruk di Asia pada tahun ini – berpunca daripada, inter alia, musibah politik yang berkait dengan Perdana Menteri.

Walau bagaimanapun, di Malaysia, kesan krisis politik tidak hanya tertumpu kepada ekonomi semata-mata. Memandangkan pendidikan adalah satu isu yang lazim dipolitikkan, dengan polemik yang kerap berkisar pada soal bahasa dan identiti dan bukannya kualiti dan kecekapan, kita mendapati bahawa wacana pendidikan seringkali terperangkap dalam kekusutan politik partisan. Justeru, pergolakan politik yang mendadak kerap menyebabkan perubahan besar terhadap dasar pendidikan – khususnya apabila jawatan menteri bertukar tangan.

Pempolitikan pendidikan

Umum mengetahui Malaysia adalah sebuah negara yang terpisah mengikut garis politik identiti, dengan persaingan antara dua naratif yang berbeza – satu yang memperjuangkan negara bangsa Melayu-Islam berdasarkan ideologi nasionalis etno-agama yang melebihkan satu komuniti daripada yang lain, manakala satu lagi menyokong negara bangsa Malaysia yang majmuk dengan perlindungan saksama kepada semua seperti yang termaktub dalam Perlembagaan. Maka, tidak hairanlah apabila perbezaan ini juga terzahir dalam bidang pendidikan.

Kewujudan sistem sekolah pelbagai aliran yang dibezakan mengikut bahasa pengantar bukanlah sesuatu yang baru, malah sudah lama bertapak sejak sebelum kemerdekaan. Sebelum Perang Dunia Kedua, sistem sekolah terdiri daripada sekolah yang dibiayai kerajaan, iaitu sekolah Inggeris di kawasan bandar dan sekolah vernakular Melayu di kawasan luar bandar, serta sekolah

aliran Cina dan Tamil yang wujud dalam persekitaran laissez-faire dengan bantuan kerajaan yang minima.

Usaha menyatukan sistem pendidikan kepada struktur atas-bawah (top-down) yang lebih terpusat hanyalah berlaku setelah kuasa kolonial mengambil balik tumpuk kuasa pada zaman pasca-perang, dengan penubuhan Jawatankuasa Penasihat Pusat mengenai Pendidikan (Central Advisory Committee on Education) pada tahun 1948. Susulan daripada itu, laporan-laporan yang dihasilkan seperti Laporan Holgate pada tahun 1950, Laporan Barnes pada tahun 1951 dan Laporan Jawatankuasa Fenn-Wu pada tahun 1951, dengan jelas menyokong penyatuan aliran sekolah yang pelbagai.

Sememangnya, cadangan penyatuan aliran diperbahaskan dengan sengit. Ahli pendidik Cina dan Tamil melihatnya sebagai ancaman kepada identiti kebudayaan mereka, manakala nasionalis Melayu merasakan bahasa Inggeris lebih diutamakan daripada bahasa Melayu sebagai bahasa utama ilmu. Polemik emosi dan sempit ini lantas menjadi teras kepada apa yang dikenali hari ini sebagai politik bahasa dalam sistem pendidikan Malaysia.

Akhirnya, tolak ansur diperolehi pada tahun 1956 dengan Laporan Razak, yang menyerapkan unsur-unsur daripada kedua-dua Laporan Barnes yang lebih memihak kepada kepentingan nasionalis Melayu serta Laporan Fenn-Wu yang lebih disenangi orang Cina dan India. Ini melibatkan integrasi semua sekolah rendah vernakular ke dalam sistem sekolah kebangsaan dengan mewujudkan penarafan “kebangsaan” dan “jenis kebangsaan,” serta penggunaan sukan pelajaran sejagat bagi kesemua sekolah tersebut.

13 Mei dan berakhirnya pendidikan aliran Inggeris

Kompromi yang dicapai hanya mampu bertahan untuk seketika. Nasionalis Melayu terus iri hati dengan peranan dominan pendidikan aliran Inggeris manakala penyokong bahasa vernakular meratapi hakikat bahawa Laporan Rahman Talib, digubal dalam bentuk Akta Pendidikan 1961, telah menyekat kemajuan pendidikan aliran Cina dan Tamil dengan hanya membenarkan kewujudan dua aliran di peringkat sekolah menengah, yakni sekolah kebangsaan Melayu dan sekolah jenis kebangsaan Inggeris.

Maka, rasa tidak puas hati antara (dan juga dalam kalangan) kumpulan-

kumpulan komunal ini terus hangat sepanjang dekad sebelum akhirnya mendidih apabila sentimen perkauman dipanaskan menjelang Pilihan Raya Umum 1969. Ekoran daripada rusuhan kaum di Lembah Klang pada 13 Mei 1969, Darurat diisyiharkan di seluruh negara dan demokrasi berparlimen telah digantung.

Dengan penggantungan Parlimen, keseluruhan kawalan eksekutif negara telah diambil alih oleh Majlis Gerakan Negara (Mageran) yang ditubuhkan pada 16 Mei 1969 dengan Timbalan Perdana Menteri Tun Abdul Razak sebagai peneraju. Walaupun Tunku Abdul Rahman terus kekal sebagai Perdana Menteri sehingga September 1970, kedudukan beliau selepas Mei 16 hanya sekadar nama sahaja kerana semua kuasa eksekutif dipegang oleh Mageran.

Sama ada peristiwa-peristiwa yang berlaku pada bulan Mei 1969, daripada hari mengundi pada 10 Mei hingga rusuhan pada 13 Mei dan kemudiannya peralihan kuasa pada 16 Mei, merupakan sebahagian daripada coup d'état yang terancang atau tidak, hakikat yang tidak dapat dinafikan adalah hasilnya – dengan perlantikan Razak untuk mengetuai Mageran dan kemudian secara rasmi mengambil alih jawatan Perdana Menteri lebih setahun kemudian – telah membawa kesan yang sama.

Hatta dengan terbitnya kelompok baru di tumpuk kuasa negara, peluang telah dibuka untuk peralihan dasar yang ketara. Sebagai contoh, penstruktur semula sosial melalui Dasar Ekonomi Baru (DEB) telah diperkenalkan untuk menangani apa yang dilihat sebagai punca konflik sosial, iaitu jurang sosio-ekonomi yang nyata antara Cina bandar dan Melayu luar bandar.

Pun begitu, walaupun banyak telah diperbincangkan mengenai kejayaan dan kegagalan program sosio-ekonomi DEB, tidak cukup perhatian diberikan kepada perubahan-perubahan asas yang dilakukan dalam sistem pendidikan.

Seperti yang diterangkan sebelum ini, rusuhan tragis 13 Mei telah mengakibatkan pertukaran rejim pemerintah. Bukan sahaja Tunku yang diketepikan, tetapi juga sekutu utamanya yang kebanyakannya digantikan dengan pengikut setia Razak. Salah satu penyingkir yang berlaku adalah pelucutan menteri kanan Umno Md Khir Johari daripada portfolio pendidikan, jawatan yang disandangnya selama sembilan tahun (namun tidak berturut-turut) sebelum itu. Tempat beliau telah digantikan dengan sekutu Razak, Abdul Rahman Ya'kub dari Sarawak.

Lebih daripada sekadar mengukuhkan kedudukan politik Razak, langkah ini juga membuka jalan bagi puak nasionalis Melayu untuk melaksanakan perubahan dasar pendidikan yang telah lama diingini, khususnya berkaitan isu bahasa. Dalam hal ini, Khir Johari,



ZAIRIL Khir Johari (barisan belakang, dua dari kiri) bersama-sama ahli-ahli parlimen dan pemimpin politik dari seluruh dunia pada Persidangan Progressive Alliance mengemaskin penindasan politik ke atas rakyat Malaysia termasuk Datuk Seri Anwar Ibrahim.

yang bukan sahaja bekas pelajar sekolah aliran Inggeris tetapi juga pernah berkhidmat sebagai guru di sekolah Inggeris, senantiasa dianggap sebagai duri dalam daging nasionalis Melayu. Sebagai Menteri Pelajaran, beliau terkenal sebagai seorang yang bersimbpati dengan pendidikan aliran Inggeris dan sangat menyokong pengekalannya di peringkat pengajian tinggi.

Oleh itu, dengan ketiadaan penghalang utama mereka, pentadbiran Mageran Razak mengumumkan secara rasmi pada 10 Julai 1969, kurang dua bulan selepas rusuhan 13 Mei, bahawa pendidikan aliran Inggeris akan ditamatkan. Melalui arahan menteri, kerangka masa secara beransur-ansur telah dibentangkan untuk penggantian bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di semua peringkat pendidikan awam, daripada sekolah rendah hingga universiti.

Satu lagi krisis, satu lagi menteri, satu lagi perubahan dasar

Krisis politik semasa yang menyelubungi Perdana Menteri Dato' Sri Najib Razak telah menyaksikan penggunaan langkah-langkah keras untuk menjamin kedudukannya. Di tengah-tengah dakwaan rasuah besar dan penyelewengan yang tertumpu kepada dana pelaburan 1MDB yang diterajui Najib sebagai pengurus Lembaga Penasihat syarikat yang penuh kontroversi tersebut, pelbagai tindakan telah dilakukan – lesen akhbar digantung, para kritik ditangkap, dan pemimpin kerajaan dipecat. Antara mangsa berprofil tinggi termasuk Peguam Negara Tan Sri Abdul Gani Patail, dua menteri kanan, iaitu Dato' Sri Shafie Apdal dan Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Dalam rombakan Kabinet yang menyusul, penyokong setia telah diberi jawatan-jawatan utama, dan kesannya seperti mana yang boleh kita ramalkan – peningkatan nasionalisme etno-agama sempit dan pendirian perkauman agresif, seperti yang dizahirkan oleh Perhimpunan Baju Merah pada 16 September lalu. Protes tersebut telah menyaksikan puluhan ribu penunjuk perasaan yang rata-rata terdiri daripada satu kaum berkumpul di Kuala Lumpur untuk menuntut hak keistimewaan Melayu, sambil memaparkan slogan provokatif dan anti-Cina. Bukan sahaja perhimpunan bersifat perkauman itu dibenarkan untuk diteruskan, kehadiran pemimpin kanan Umno, termasuk menteri-menteri kerajaan, jelas mendedahkan sokongan tersirat oleh kepimpinan negara.

Seperti yang dijangka, peningkatan sentimen hegemoni Melayu ini juga dicerminkan dalam arena pendidikan. Berikutnya penyingiran Muhyiddin, Dato' Sri Mahdzir Khalid telah dilantik sebagai Menteri Pendidikan baru. Belum sempat dipanaskan kerusinya, beliau lantas menghebohkan kemunculannya ke dalam barisan kanan politik Malaysia dengan serangan gasar ke atas kewujudan “konspirasi Yahudi-Kristian” untuk memecahbelahkan orang Melayu.

Jik ada sesiapa yang bersangka baik bahwa pandangan dangkal beliau mungkin kejadian terpencil, Mahdzir sekali lagi mengeluarkan dakwaan tanpa asas bahawa kewujudan sekolah vernakular adalah punca utama perpecahan negara. Selepas daripada itu, beliau juga cuba untuk mewajarkan Perhimpunan Baju Merah sebagai akibatnya apabila orang Melayu “ditekan.”

(sambungan di muka surat 24)

Nama	No Tel/ No Faks
AIR PUTIH YB Tuan Lim Guan Eng limguaneng@penang.gov.my	(T) 04 - 829 0614
PANTAI JEREJAK YB Haji Mohd. Rashid Hasnon rashid.hasnon@penang.gov.my	(T) 04 - 646 4700
PERAI YB Prof. Dr. P. Ramasamy ramasamy@penang.gov.my	(T) 04 - 399 6689
PADANG KOTA YB Chow Kon Yeow chowkonyeow@penang.gov.my	(T) 04 - 226 0218 (F) 04 - 226 0218
BATU MAUNG YB Datuk Abdul Malik Abul Kassim abdulkassim@penang.gov.my	(T) 04 - 626 1968 (F) 04 - 626 5496
BAGAN JERMAL YB Lim Hock Seng limhockseng@penang.gov.my	(T) 04 - 331 7175 (F) 04 - 331 7175
BATU LANCHANG YB Law Heng Kiang lawhengkiang@penang.gov.my	(T) 04 - 282 6419 (F) 04 - 282 6419
SUNGAI PUYU YB Phee Boon Poh pheeboonpoh@penang.gov.my pheeboonpoh@yahoo.com	(T) 04 - 262 0860 012 - 480 5495 (F) 04 - 261 8745
PADANG LALANG YB Chong Eng chong.eng@penang.gov.my	(T) 04 - 530 3028
DATO' KERAMAT YB Jagdeep Singh DEO jagdeepsinghdeo@penang.gov.my	(T) 04 - 226 2464 (F) 04 - 227 2464
SEBERANG JAYA YB Dr. Afif Bahardin	(T) 04 - 390 5109
BUKIT TAMBUN YB Law Choo Kiang lawchookiang@penang.gov.my	(T) 04 - 588 0818 (F) 04 - 588 0885
AIR ITAM YB Wong Hon Wai wonghonwai@penang.gov.my	(T) 04 - 828 0926 (F) 04 - 828 0926
BERAPIT YB Ong Kok Fook ongkokfooi@penang.gov.my	(T) 04 - 530 8476
MACHANG BUBOK YB Lee Khai Loon kllee78@gmail.com	(T) 013 - 399 0519 (F) 04 - 551 1442
TANJONG BUNGAH YB Teh Yee Cheu dappenang.cagw.teh@gmail.com	(T) 04 - 899 9581
JAWI YB Soon Lip Chee dunjawi@hotmail.com	(T) 04 - 594 1163 (F) 04 - 594 3163
PENGKALAN KOTA YB Lau Keng Ee dappengkalankota@gmail.com	(T) 04 - 250 1521 04 - 250 1522 (F) 04 - 250 1523
BAGAN DALAM YB Tanasekharan a/l Autheraphy atana@first.net.my	(T) 04 - 323 5870 (F) 04 - 323 5870
KEBUN BUNGA YB Cheah Kah Peng kebunbunga24@gmail.com	(T) 04 - 826 5451 (F) 04 - 826 5451
SUNGAI BAKAP YB Hj. Maktar Hj. Shappee adunan.dunsgbakap@yahoo.com	(T) 04 - 582 7549 (F) 04 - 582 8648
KOMTAR YB Teh Lai Heng komtarN28@gmail.com	(T) 04 - 227 7068 (F) 04 - 227 7068
PAYA TERUBONG YB Yeoh Soo Hin clementyeoh@hotmail.com	(T) 04 - 827 8868
PULAU TIKUS YB Yap Soo Huey yapsoohueydap@gmail.com	(T) 04 - 226 5217 (F) 04 - 227 5217
PERMATANG PASIR YB Datuk Hj. Mohd. Salleh Man adunptgpasir@gmail.com	(T) 04 - 398 4226 (F) 04 - 398 4226
BUKIT TENGAH YB Ong Chin Wen prkbktfengah@gmail.com	(T) 04 - 508 3977 (F) 04 - 508 3677
PENANTI YB Dr. Norlela Ariffin norlela.ariffin@gmail.com	(T) 04 - 538 2871 (F) 04 - 538 4871
SUNGAI PINANG YB Lim Siew Khim dapsungaipinang@hotmail.com	(T) 04 - 282 6630
BATU UBAR YB Dr. T. Jayabalan drjayabalan@gmail.com	(T) 04 - 656 2605 (F) 04 - 656 0699
SERI DELIMA YB Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji rsnrayer@gmail.com	(T) 04 - 659 5611 (F) 04 - 659 6611
DAP PENANG HQ dappg@streamyx.com	(T) 04 - 228 8482 (F) 04 - 228 8514
PKR PENANG HQ	(T) 04 - 397 0115

NAMA ADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA YB Mohd. Zain Ahmad	(T) 04 - 351 5825
BERTAM YB Shariful Azhar Othman	(T) 012 - 411 4690 (F) 04 - 575 8670
PINANG TUNGGAL YB Datuk Haji Roslan Saidin	(T) 04 - 398 3555 (F) 04 - 397 3555
PERMATANG BERANGAN YB Omar Abd. Hamid	(T) 04-573 4630 (F) 04-573 4630
SUNGAI DUA YB Muhamad Yusoff Mohd. Noor	(T) 04 - 575 7454
TELOK AIR TAWAR YB Datuk Jahara Hamid jahara.hamid@gmail.com	(T) 04 - 351 2873 (F) 04 - 351 4389
SUNGAI ACHEH YB Datuk Mahmud Zakaria datomahmud@umpangroup.com.my	(T) 04 - 593 3100 (F) 04 - 593 9529
BAYAN LEPAS YB Nordin Ahmad	Sedang dikemaskini
PULAU BETONG YB Muhamad Farid Saad	(T) 04 - 866 4202 (F) 04 - 866 4202
TELUK BAHANG YB Shah Haedan Ayoob	(T) 04 - 866 1760 (F) 04 - 866 1821

PEGAWAI PENYELARAS KADUN	No Tel/ No Faks
PENAGA -	-
BERTAM Asrol Sani Abdul Razak asrolsani2006@gmail.com	013-580 6981 012-466 9681
PINANG TUNGGAL Muhasdey Muhamad hadiputra78@yahoo.com	019-437 2887 017-424 9371
PERMATANG BERANGAN -	-
SUNGAI DUA -	-
TELOK AIR TAWAR Norhayati Jaafar yatie7119@yahoo.com.my	019-433 7119 017-595 9891
SUNGAI ACHEH Azmi Samsudin azmikeadilan@gmail.com	012-594 1515 017-402 6973
BAYAN LEPAS -	-
PULAU BETONG Hj. Mohd Tuah Ismail tuhismail@yahoo.com	019-570 9500 016-407 2135
TELUK BAHANG Halil Sabri Hamid halilsabri.hsh@gmail.com	017-460 4849 017-413 5695

Talian Kecemasan & Perkhidmatan Awam

POLIS, AMBULANS, BOMBA & PENYELAMAT	999	JPJ	04-656 4131 04-398 8809
DIREKTORI TELEFON	103	JABATAN PENDAFTARAN	04-226 5161
OPERATOR ANTARABANGSA	101		
HOTLINE MBPP	04-263 7637 04-263 7000		
BIRO PENGADUAN AWAM	04-263 6893	PENANG GLOBAL TOURISM (PGT)	04-263 1166
SEKRETARIAT KERAJAAN NEGERI	04-262 1957	TOURISM MALAYSIA	04-261 0058
KASTAM	04-262 2300	KERETAPI BUKIT BENDERA	04-828 8880
IMIGRESEN	04-250 3419	FERI (GEORGETOWN) (BUTTERWORTH)	04-210 2363 04-310 2377
WCC (Women's Centre for Change)	04-228 0342	JAMBATAN PP	04-398 7419
Pusat Perkhidmatan Wanita (Seberang)	04-398 8340	STESEN KERETAPI BUTTERWORTH	04-261 0290
EPF	04-226 1000	PERSATUAN PERLINDUNGAN KANAK-KANAK	04-829 4046
SOCSCO	04-238 9888	CAP	04-829 9511
		BEFRIENDERS PENANG	04-281 5161 04-281 1108
		PERPUSTAKAAN PP	04-229 8555

**PROGRAM PENGHARGAAN WARGA EMAS/OKU/IBU TUNGGAL/
PROGRAM ANAK EMAS/ PROGRAM RAKAN ANTI KEMISKINAN/ PROGRAM PELAJAR EMAS**

N1	Penaga	:	-	-	Bungah	011 - 12441069	- Hezreen
N2	Bertam	:	019 - 593 3736	- Fatimah	N23	Air Putih : 04 - 829 0614	- Hong Kian Beng
N3	Pinang	:	017 - 424 9371	- Tasrin	N24	Kebun Bunga : 012 - 493 3342	- Cheng Kok Eong
N4	Tunggal	:	-	-	N25	Pulau Tikus : 017 - 956 3237	- Quah
	Permatang	:	-	-	N26	Padang Kota : 012 - 431 7015	- Johnny Chee
N5	Berangan	:	-	-	N27	Pengkalan Kota : 012 - 401 1522	- Ch'ng Chin Keat
N6	Sungai Dua	:	-	-	N28	KOMTAR : 012 - 423 3227	- Benji Ang
	Telok Air	:	017 - 595 9891	- Norfatin		010 - 811 7300	- Razin
N7	Tawar	:	-	-	N29	Datok Keramat : 04 - 226 2464	- Kalvinder
N8	Sungai Puyu	:	012 - 480 5495	- Mr.Lee	N30	Sungai Pinang : 04 - 282 6630	- Shuen
N9	Bagan Jermal	:	013 - 449 0366	- Yeap Choon Keong	N31	Batu Lancang : 04 - 282 6419	- Karuna
N10	Bagan Dalam	:	016 - 473 1963	- Gesan	N32	Seri Delima : 019 - 4474362	Mahen James
	Seberang Jaya	:	04 - 390 5109	- Nor Hayati Mohd. Iskander		012 - 5242549	- Anne
N11	Permatang Pasir	:	019 - 412 8442	- Kamal	N33	Air Itam : 012 - 4730736	- Janet
		:	013 - 595 6865	- Rosli		016 - 4940705	- Toon Hoon Lee
N12	Penanti	:	04 - 538 2871	- Tira	N34	Paya Terubong : 012 - 484 1963	- Frankie Kee
		:	04 - 538 3871	-		016 - 205 1185	- Jalal
N13	Berapit	:	016 - 401 3507	- Mr.Lim	N35	Batu Uban : 016 - 480 0232	- Khairul
		:	017 - 446 1817	- Yeooh Ee Yee		016 - 487 8602	- Sathyra
N14	Machang	:	012 - 474 0964	- Andrew Chin		016 - 444 3550	- Aliff / Shamsudin
	Bubuk	:	012 - 473 0964	- Ikhwan	N36	Pantai Jerejak : 04 - 646 4700	- Amirulzaman
N15	Padang Lalang	:	017 - 552 8928	- Chan	N37	Batu Maung : 019 - 498 1096	- Danny Ho
		:	014 - 945 9786	- Lai		016 - 428 6158	-
N16	Perai	:	04 - 399 6689	- Selvi	N38	Bayan Lepas : -	-
N17	Bukit Tengah	:	013 - 518 8735	- Lim Tuan Chun	N39	Pulau Betong : 016 - 407 2135	- Zulkiflee
	Bukit Tambun	:	016 - 404 9120	- G.Dumany	N40	Telok Bahang : 017- 413 5695	- Johan Abu Bakar
		:	017 - 378 4448	- Khor		-	-
N19	Jawi	:	017 - 408 4784	- Abdul Halim			-
		:	012 - 456 5018	- Mr. Khor			-
N20	Sungai Bakap	:	019 - 552 8689	- Norjuliana			-
		:	012 - 542 4454	- Hasbullah			-
N21	Sungai Acheh	:	0111-508 0215	- Siti Hajar			-
N22	Tanjong	:	012 - 465 0021	- Tina			-

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MPSP 2015**

Nama	Telefon
MPSP	04 - 549 7555
David Marshel a/l Pakianathan	019 - 412 3397
H'ng Mooi Lye	012 - 425 2602
Loh Joo Huat	012 - 422 1133
Mohamad Shaipol Ismail	019 - 414 6079
Satees A/l Muniandy	016 - 438 4767
Siti Nur Shazreen Mohd. Jilani	019 - 411 8343
Tan Chee Teong	012 - 401 7718
Tan Cheong Heng	012 - 487 3101
Tan Chong Hee	019 - 411 5598
Tiagarajen A/L Annamalai	010 - 387 9305
Ong Eu Leong	010 - 770 0508
Ho Leng Hong	017 - 487 2767
Mohd. Rizal Abd. Hamid	012 - 424 3878
Rajasegar a/l Govindasamy	019 - 411 7051
Zulkifli Ibrahim	018 - 576 1622
Zaini Awang	019 - 546 3115 019 - 493 6161
Amir Md. Ghazali	013 - 584 8386
Mohd. Sharmizan Mohamad Nor	011 - 1110 6456
Dr. Tiun Ling Ta	04 - 508 0039 (Tel) 04 - 657 0918 (Fax)
Ahmad Tarmizi Abdullah	013 - 414 4822
Wong Chee Keet	012 - 451 1312
Mustafa Kamal Ahmad	019 - 556 9552

SENARAI PEGAWAI-PEGAWAI PEMBANTU KEWARGANEGARAAN PULAU PINANG

Bil.	Nama	Daerah	Pejabat / Unit Kewarganegaraan	No. Telefon
1.	Chiam Heng Hak	Timur Laut	Bilik Perkhidmatan Awam, Tingkat 3, KOMTAR.	04 - 650 5556
2.	Abdul Rahim Mohamed Nor	Barat Daya	Kuarters Kerajaan Negeri No.1, Jalan Relau, Balik Pulau.	016 - 482 3549
3.	K. Krishnasamy	Seberang Perai Utara	Tingkat 1, Pejabat Daerah SPU, Bertam Kepala Batas.	012 - 488 1553
4.	P. Rachenamorty	Seberang Perai Tengah	-	019 - 457 2271
5.	R. Gunalan	Seberang Perai Selatan	Tingkat Dua, Kompleks Pejabat-Pejabat Kerajaan SPS, 14200, Jawi.	011 - 2666 6901

Nota:

Orang awam dipohon menghubungi Pegawai-Pegawai Pembantu Kewarganegaraan untuk menetapkan temujanji masing-masing.

**SENARAI NAMA AHLI MAJLIS
MBPP 2015**

Nama	Telefon
MBPP	04 - 259 2020
Goh Choon Keong	019 - 471 7931
Gooi Seong Kin	016 - 457 1271
Harvindar a/l Darshan Singh	012 - 428 2250
Joseph Ng Soon Siang	012 - 423 9143
Sukumar a/l Subramaniam	019 - 442 2113
Lee Chun Kit	012 - 519 2152
Ong Ah Teong	012 - 410 6566
Syerleena Abdul Rashid	019 - 225 6502
Tan Hooi Peng	012 - 498 6212
Prof. Tan Kim Hooi	016 - 438 7855
Francis a/l Joseph	012 - 474 3321
Nur Zarina Zakaria	011 - 1578 5098
Lim Boon Beng	012 - 564 4400
Ahmad Azrilal Tahir	012 - 498 4556
Kumaresan a/l Arumugam	014 - 945 9621
Muhammad Bakhtiar Wan Chik	019 - 470 8811
Felix Ooi Keat Hin	016-417 1331
Tan Chiew Choon	019 - 470 4499
Dr. Lim Mah Hui	012 - 422 1880
Eric Lim Seng Keat	016 - 414 3428
Sha'ari Md. Salleh	013 - 788 7786
Mohamed Yusoff Mohamed Noor	012 - 472 8114
Mhd. Nasir Yahya	012 - 402 6739

**Kalendar Pelancongan
Pulau Pinang November 2015**



10hb November
Deepavali

SIDANG REDAKSI BULETIN MUTIARA

Penulis:
YAP LEE YING
AINUL WARDAH SOHILLI
ZAINULFAQAR YAACOB
NORSHAHIDA YUSOFF
WATAWA NATAF ZULKIFLI

Jurugambar/Juruvideo:
CHAN LILIAN
LAW SUUN TING
ALISSALA THIAN
AHMAD ADIL MUHAMAD
DARWINA DAUD

Jurugrafik:
IDZHAM AHMAD
LOO MEI FERN

sertai kami melalui "**sms blast**",
taip "**ADD ME**" 010 333 1758

Bagi sebarang maklum balas, sila hantar ke:

Editor BULETIN MUTIARA,
Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.
Emel: buletinmutiara.bpkn@gmail.com

Talian Pejabat
04 - 650 5561, 04 - 650 5559,
04 - 650 5705, 04-650 5375, 04 - 650 5256



EXCO Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin (tiga dari kiri) hadir bersama-sama keluarga beliau pada penganjuran program Karnival Penang Sihat Seberang Jaya.



TIMBALAN Ketua Menteri I, Dato' Mohd. Rashid Hasnon (tengah, berbaju batik) bergambar kenangan dengan kanak-kanak dan penduduk setempat yang memeriahkan penganjuran Pesta Tanglung KADUN Pantai Jerejak.



YANG di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato' Maimunah Mohd. Sharif (dua dari kanan) menyampaikan hadiah kepada pemenang cilik program Larian Sihat Membasmi Arak Murah 2015.



EXCO Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow (kiri sebelah) menunjukkan kolam renang yang siap dinaiktaraf ketika mengadakan lawatan ke tapak projek The Subterranean Penang International Convention and Exhibition Centre (SPICE) di Bayan Baru.



AHLI-ahli pasukan perahu naga MBPP bersama-sama Ahli-Ahli Majlis menunjukkan trofi kemenangan yang dimenangi pada kejohanan 5th Korea Open Busan International Dragon Boat Festival 2015.



(Barisan depan, dari kiri), PEGAWAI Kewangan Negeri, Dato' Mokhtar Mohd. Jait, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail, ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim dan ADUN Pulau Tikus, Yap Soo Huey ketika hadir pada majlis resepsi rasmi sempena lawatan kerja Puteri Thailand ke Pulau Pinang.



PENGARAH Khidmat Pengurusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mohamed Akbar Mustapha (enam dari kiri) bergambar kenangan dengan sebahagian jawatankuasa penganjur program City Walk 1.1.16 yang bakal berlangsung di Padang Kota Lama, 1 Januari 2016.



ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer (kanan) dan Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Ramkarpali Singh membawa barang keperluan asas untuk disumbangkan kepada seorang ibu tunggal dan warga emas di Taman Tun Sardon.

JADUAL AKTIVITI

PENANG GOES ORANGE 2015

14 NOVEMBER 2015

PERASMIAN KEMEPN**PENANG GOES ORANGE 2015**

MASA: 4.30 PETANG – 7.30 PETANG

TEMPAT: PENANG ON 6 @ GURNEY PARAGON

25 NOVEMBER 2015

FORUM AKTA KEGANASAN RUMAH TANGGA

MASA: 2.30 PETANG HINGGA 5.00 PETANG

TEMPAT: AUDITORIUM A, TINGKAT 5, KOMTAR

27 NOVEMBER 2015

VOICES: WOMAN IS I**@ GTLF 2015**

MASA: 3.00 PETANG HINGGA 4.00 PETANG

TEMPAT: BLACK KETTLE, LEBUH PANTAI

6 DESEMBER 2015

MPSP CAR FREE MORNING GOES ORANGE

MASA: 8.30 PAGI HINGGA 11.30 PAGI

TEMPAT: JLN TODAK 2 & 3, SEBERANG JAYA

7 - 11 DESEMBER 2015

PAMERAN**PENANG GOES ORANGE**

MASA: 9.00 PAGI HINGGA 5.00 PETANG

TEMPAT: KONKOS TINGKAT 3, KOMTAR

10 DESEMBER 2015

MAJLIS PENUTUPAN KEMEPN PENANG GOES ORANGE 2015

Masa: 9.00 PAGI HINGGA 11.30 PAGI

Tempat: KONKOS TINGKAT 3, KOMTAR

**VIOLENCE AGAINST WOMEN (VAW)
atau KEGANASAN TERHADAP WANITA**

PENDERERAAN MENTAL & EMOSI

PENYEKATAN KEBEBAAN BERSUARA & KEWANGAN

PEMERDAGANGAN MANUSIA

GANGGUAN DIEKORI (STALKING)

GANGGUAN SEKSUAL

KEGANASAN SEKSUAL

KEGANASAN FIZIKAL

PEMBULIAN INTERNET

**Di mana VAW berlaku?**

- + Dalam keluarga dan hubungan intim
- + Di sekolah dan tempat kerja
- + Di tempat peribadi dan tempat awam
- + DI MANA-MANA JUA!!

Apa punca VAW?

ketidaksaksamaan dan diskriminasi gender +
menganggap wanita bukan sama taraf dengan lelaki +
menganggap wanita sebagai objek seks +
sikap tidak peduli terhadap penderaan wanita dan kanak-kanak +
kekurangan kebebasan kewangan wanita +
ketidakstabilan ekonomi keluarga +

Apa yang anda boleh buat untuk mencegah VAW?

Jika anda menyaksikan kejadian VAW, buat aduan kepada pihak polis. Jangan mendiskriminasi atau bersangka buruk terhadap wanita. Jangan berdiam hingga terlambat.
Sertai Penang Goes Orange 2015 dan sama-sama kita hentikan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan.

PENANG GOES ORANGE

Sempena Kempen 16 Hari Aktivisme Sedunia
Bagi Menghapuskan Keganasan Terhadap Wanita

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi PWDC di 04-261 2835
atau lawati kami di Facebook @PWDCMalaysia.

HAK WANITA DALAM ISLAM**Realiti atau Fantasi ?**

SEMPENA KONVENTSYEN AL-ISLAM RAHMATUN LIL ALAMIN
DAN SAMBUTAN 'PENANG GOES ORANGE 2015:
HENTIKAN KEGANASAN TERHADAP WANITA'

SESI A (8.45 Pagi) – Tayangan Filem Dokumentari & Sesi Diskusi

SESI B (10.00 Pagi) – Dialog "Hak Wanita Dalam Islam :
Realiti atau Fantasi?"

SESI C (3.00 Ptg) – Meja Bulat "Pembelaan Hak Wanita Dalam Islam
Apakah Langkah ke Hadapan"

6 November 2015 (Jumaat)
8.00 Pagi – 5.00 Petang / Dewan Sri Pinang, Lebuhraya

Ajuran : MMK Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang &
Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang



**MASYARAKAT
BUKAN ISLAM
TURUT
DIJEMPUT
HADIR**



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesahkan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 1794 : NG BOON SENG - 69070507**** 169C PERSIARAN PEGAGA, BAYU PERDANA, KLANG 41200 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 1805 : TEO CHIN WAH - 69110607**** NO. 58-AJALAN RANGOON 10400 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1807 : LEE CHONG CHAI - 68060707**** NO. 474 MK 4 BATU ITAM, BALIK PULAU 11000 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1815 : VIJAYAKUMARAN A/L LECHUMANAN - 67060808**** NO.24 LORONG BIDARA 15, TAMAN BIDARA, MACHANG BUBUK 14020 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 1	: NG BAK KEE - 0998*** NO. 17 TINGKAT SENTOSA 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 1	: CHONG WOON KHOON - 53021507**** 63A-18-1 JALAN LENGONG, 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: KHOO KEAN BENG - 64062007**** 73B-2-1 LEBUHRAYA JELUTONG, CENTRAL PARK, JELUTONG, 10500 PULAU PINANG	Penjamin 1	: THANGAMANI A/L PITCHAYMUTHU - 56110807**** 12 LORONG SIAKAP 38, 13700 SEBERANG JAYA
Penjamin 2	: TEOW MOI SENG - 57052502**** 25 JALAN STESEN 14000 BUKIT MERTAJAM, SEBERANG PERAI TENGAH	Penjamin 2	: TEW CHIN TONG - 59091107**** 42 JALAN 3/17, BANDAR BARU SELAYANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR	Penjamin 2	: TAN KIM HOE - (MENINGGAL DUNIA) 102-C JALAN BATU GANTUNG, 10450 PULAU PINANG	Penjamin 2	: DHARMALINGAM A/L DORIASAMY - 55082308**** 126 KAMPUNG MANIS, 13600 PERAI
No Akaun Peminjam	: 1824 : SURESH A/L VEERASAMY - 73092407**** NO 92 SLOK KIKIK 2, TAMAN INDERAWASIH 13600 PERAI	No Akaun Peminjam	: 1839 : MOHAMED RAFIQ BIN MOHAMED MUSTAFA - 71052807****	No Akaun Peminjam	: 1841 : LAI TECK BENG - 72030507**** 4910 TINGKAT SELAMAT 6, KAMPUNG SELAMAT	No Akaun Peminjam	: 1865 : LIM SENG HUP - 70082107**** 28 LORONG KURAU 15, CHAI LENG PARK 13700 PERAI
Penjamin 1	: RATHAMANI A/P MURUGIAH - (MENINGGAL DUNIA) NO. 41 JALAN BUNGA RAYA A, KUMBANG, TAIPEI 34000 PERAK	Penjamin 1	: MOHAMED MUSTAFA B. SEENI MOHD - 41120107****	Penjamin 1	: KONG FOONG KIEW - 46120610**** 20 LINTANG SEPAKAT, TAMAN BANDAR BARU 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: LIM KIM SAN - 39021507**** NO.2255 JALAN RAYA 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2	: LIM SIEW KEAM - 4935*** NO. L2 JALAN RAJAWALI, TAMAN BERJAYA 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: MAT SAAD BIN MUSTAPA - 46042507**** 1135 TAMAN BINTANG, JALAN PADANG BENGALI 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: KHOO BU KE - 5036*** 4076 JALAN DATUK HJ AHMAD BADAWI, 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: TAN SIEW KEOK - 43021707**** NO. 2255 JALAN RAYA 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA
No Akaun Peminjam	: 1927 : MOHAMAD IZAHAM BIN MOHAMED YATIM - 72071307****	No Akaun Peminjam	: 1935 : ROHANA BINTI ABDUL GHANI - 71080307**** 94 JALAN MAWAR 2, TAMAN MAWAR, FASA 1, 06000 JITRA, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 1939 : MOHAMAD ROSLI BIN YUSOFF - 72050907**** 85 BLOK A MUKIM 12, SUNGAI NIBONG BESAR 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 1946 : NORIZUN BINTI MOHD NOOR - 72120107**** A-12-02 RESIDENSI BISTARI, TAMAN UKAY BISTARI, HULU KELANG 68000 AMPANG, KUALA LUMPUR
Penjamin 1	: ABDUL WAHID B ABU BAKAR - 63051807**** 87-A JALAN SUNGAI PINANG, 10150 GEORGETOWN, PULAU PINANG	Penjamin 1	: HASNAH BINTI YUSOF - 64011603**** 17 JALAN NIKEL SATU 7/26A, SEKSYEN 7, SHAH ALAM, 40000 SELANGOR	Penjamin 1	: NORHAYATI BT YUSOFF - 65100107**** NO. 43 LORONG SERI EMAS 8, TAMAN SERI EMAS, 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 1	: MOHD FAUZI BIN ISHAK - 60081207**** NO. 1438 PASIR GEBU, 13000 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA
Penjamin 2	: MID UDIN B MD NOH - 48103002**** 231 PINTASAN MAYANG 1, BAYAN BARU, BAYAN LEPAS, 11950 PULAU PINANG	Penjamin 2	: AZAHAR BIN ABDUL GHANI - 68041607**** 26 LORONG SERI INDAH 5, TAMAN SERI INDAH, KAMPUNG PAYA, 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: ZAINOL NAHAR BIN BAKAR - 61011207**** NO. 11A KAMPUNG BATAS , MUKIM TEMIN, CHANGLOON, 06010 KEDAH	Penjamin 2	: MOHD FAUZI BIN DIN - 62110907**** 87 JALAN 14/30, 46100 PETALING JAYA, SEBERANG PERAI UTARA
No Akaun Peminjam	: 1983 : FAIROS BINTI BAHARUM - 71062607**** 925 PERMATANG SG DUA 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam	: 1999 : YEOH JOO BOON - 70032307**** 1-10-6 TAMAN HUI AUN, HALAMAN ZOO SATU 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2018 : CHIEW YOU BOK - 70061607**** 21 LORONG IMPIAN 18, TAMAN IMPIAN 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 2038 : TAN BEE AI - 69071907**** NO. 7 JALAN REBAB 3, TAMAN DESA TEBRAU 81100 JOHOR BAHRU, JOHOR
Penjamin 1	: BAHARUM BIN HASHIM - 3771*** 925 PERMATANG SUNGAI DUA, 13220 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: YEOH JOO IM - 64032707**** 14 LORONG KURAU 21, JALAN BARU, 13700 CHAI LENGPARK, PERAI	Penjamin 1	: ONG SOO ENG - 51080607**** 91 JALAN INDAH, TAMAN SRI BUKIT INDAH, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MAH GH HAI HOCK - 59040307**** 18 TINGKAT KENANGA, OFF JALAN RAJA UDA, 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2	: MARZUKHII BIN HASHIM - 55031807**** 17 LEBUH NAKHODA, TAMAN TELOK AIR TAWAR, 13050 BUTTERWORTH	Penjamin 2	: OOI CHUANTI @ OOI CHUANTI - 55010107**** 14 LORONG KURAU 21, JALAN BARU, 13700 CHAI LENGPARK, PERAI	Penjamin 2	: CHOO LAI HOO - 4086*** 64 JALAN BINJAI, TAMAN SRI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: YAP GAIK HEOH - 69071507**** NO. 5 LORONG MERANTI 3, TAMAN SUNGAI PUYU, 13000 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 2044 : GOH SIEW HEONG - 70101007**** 203-1 JALAN PAYA TERUBONG 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2049 : KUAIK LAY KHENG - 70071507**** 27 JALAN 1, TAMAN IMPIAN JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 2074 : GOH GAIK SIEW - 69091707**** B11-16 KAMPUNG MELAYU FLATS, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2106 : MOHD SHOKRI BIN DARUS - 63102607**** NO 156 JALAN MERANTI SATU , TAMAN JERAI FASA II, 08300 GURUN, KEDAH
Penjamin 1	: LOW KOOI CHOOH - 5851*** 338-Q JALAN PERAK 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: CHENG SOON SIAH - 1237*** NO. 6 LINTANG SEPAKAT, TAMAN BANDAR JAYA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: SIM CHEE HWA - A0149*** C 2-16 RIFLE RANGE FLATS 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: MOHD ZAMRI BIN ABAS - 66112601**** NO. 49-2 JALAN BENUT, KG. DATO IBRAHIM MAJID 86200 SIMPANG RENGHAM, JOHOR
Penjamin 2	: LEE WAT GUAN - 0276*** 408-C JALAN TAMAN CANTIK 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: ANG KING GUAN - 56031107**** NO. 61 LINTANG BINJAI, TAMAN SRI RAMBAI, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: GOH SOON HENG - A0611*** B 11-16 KAMPUNG MELAYU FLATS 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: KHAIRUDDIN BIN RAZALI - 58010308**** KAMPUNG LUBUK MERBAU, 33010 KUALA KANGSAR, PERAK
No Akaun Peminjam	: 2115 : SURESH KUMAR A/L LOGANATHAN - 69021707****	No Akaun Peminjam	: 2122 : FADZINU AULLA BIN MOHAMED - 70120107****	No Akaun Peminjam	: 2129 : SHAMSUL BAHARI BIN ABDUL MAJID - 70030405****	No Akaun Peminjam	: 2157 : ARIVALAN A/L RAMAIYAH - 69071007**** 96 LORONG MURNI 20, TAMAN DESA MURNI SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
Penjamin 1	: SIVANANTHAN A/L NAGANATHAN - 55040807****	Penjamin 1	: AZHAR BIN AHMAD - 64020607**** NO.1269 PASIR GEBU, 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: JAMALUDIN BIN JAFFAR - 49080607**** LOT 56 KAMPUNG BARU, MAK MANDIN 14300 BUTTERWORTH	Penjamin 1	: MUNIANDY A/L DORAISAMY - 7915*** 10 JALAN BAGAN LALANG 3, TAMAN BAGAN LALANG, MAK MANDIN 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 2	: JEGATHESAN A/L NAGANATHAN - 6716*** NO.1 LORONG PJ'S 7/3A, BANDAR SUNWAY, 46150 SUBANG JAYA, SELANGOR	Penjamin 2	: SITI FATIMAH BT MOHAMED - 66022607**** NO.1269 PASIR GEBU, 13110 PENAGA, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 2	: ISHAK BIN ISMAIL - 56120607**** NO. 81 MUKIM 4, 13500 PERMATANG PAUH	Penjamin 2	: STEPHEN SUTHAKAR A/L LAROKIASAMY - A1360*** NO. 36 JALAN BERTAM INDAH 2, TAMAN BERTAM INDAH, 13200 KEPALA BATAS, SPU
No Akaun Peminjam	: 2168 : BONNIE ANG SWIE CHIEN - 69020907**** 15 LORONG CP7/60, CHERAS PERDANA BATU 9 3/4, JALAN CHERAS 43200 CHERAS, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 2237 : TEO LEAM KEE - 71020707**** 12A LORONG PERMAI JAYA 12, TAMAN PERMAI JAYA	No Akaun Peminjam	: 2249 : LIM CHONG SENG - 63111607**** 8 JALAN CEMPAKA SD 12/4A, BANDAR SRI DAMANSARA	No Akaun Peminjam	: 2295 : FAIZULL BIN NAZIR - 74093007**** NO. 720 LORONG NILAM 4/3, TAMAN DELIMA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1	: LIM PENG HONG - 51060808**** NO.61 LORONG RUSA 5, TAMAN SELAMAT 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: TEO LAM BEE - A0612*** 33 LORONG SUNGAI TIRAM 4, TAMAN TUNAS DAMAI, 11900 PULAU PINANG	Penjamin 1	: LIM CHOOH HEE - 65061907**** NO. 112 JALAN MERAK 2, TAMAN MERAK , 14110 SIMPANG AMPAT, SPS	Penjamin 1	: ABDUL WAHAB BIN AHMAD - 46100108**** NO. 3311 LORONG 117, TAMAN RIA, SUNGAI PETANI, 08000 KEDAH
Penjamin 2	: NG BAK KEE - 0998*** NO.17 TINGKAT SENTOSA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: TEO LUM CHONG - A1054*** 33 LORONG SUNGAI TIRAM 4, TAMAN TUNAS DAMAI, 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: PHOOH YEW FOOK - (MENINGGAL DUNIA) NO.63 SARJI 3, TAMAN CEMPAKA, 31400 IPOH, PERAK	Penjamin 2	: NAZIR BIN PAWANCHEE - 53021807**** 720 LORONG NILAM 4/3, TAMAN DELIMA, SUNGAI PETANI, 08000 KEDAH
No Akaun Peminjam	: 2341 : BARAMESWARI A/P THORERAJ - 73091007**** 22-8-12 GEMILANG INDAH APARTMENT, JALAN KLANG LAMA 58000 KUALA LUMPUR RAVINDRAN A/L RAMACHANDRAN - 68030208****	No Akaun Peminjam	: 2386 : CHENG SIANG KING - 73091407**** 26 JALAN MERPATI, TAMAN TRANSKRIAN 14300 NIBONG TEBAL	No Akaun Peminjam	: 2394 : KANG AH NYA - 70062907**** D-7-21 BLOK DAMAI CRIMSON APT, ARA DAMANSARA 47301 PETALING JAYA, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 2414 : CH NG CHIN HOCK - 71053007**** 5 SOLOK BUKIT BELAH 4, BAYAN LEPAS 1920 PULAU PINANG
Penjamin 1	: B-10-17 ENGGANG APARTMENT, JALAN KINRARA 6, BANDAR KINRARA, 47180 PUCHONG, SELANGOR	Penjamin 1	: KHOR HANG MENG - 0996*** 237 JALAN BESAR, TANJUNG PIANDANG, 34250 PERAK	Penjamin 1	: KANG BOON PIN - 64052808**** 8-8-1 DESA UNIVERSITI, JALAN SUNGAI DUA, GELUGOR, 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: LIM SAY HOE - 65040307**** 35 LEBUH BINJAI SATU, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM
Penjamin 2	: AHMAD SHAIFIQ SHANTHAKUMAR BIN ABDULLAH - (MENINGGAL DUNIA) NO.171 HEAWOOD GARDEN, 31100 SUNGAI SIPUT, PERAK	Penjamin 2	: LIM NGUAN HAI - 2081*** 335 LORONG MESJID, 34300 BAGAN SERAI, PERAK	Penjamin 2	: LAU CHAI CHOO - 62020408**** 154 JALAN KOTA PERMAI, KOTA PERMAI, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: CHNG POH AI - 68120307**** 11 JALAN KENYALANG 1, TAMAN SRI EMAS, BAYAN LEPAS, 11900 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 2420 : MOHAMMAD FAUZI BIN ISMAIL - 73101607****	No Akaun Peminjam	: 2451 : AMRAN BIN ABDULLAH - 74052007**** B-16 RUMAH TRANSIT 2, TANJUNG TOKONG 10470 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2460 : ARMY RAIS B AHMAD SHARIFUDIN - 71031308****	No Akaun Peminjam	: 2533 : GUNALAN A/L NACHIAPPAN - 71101007**** 15 LORONG TAMAN BAGAN LALANG 9, TAMAN BAGAN LALANG, 13400 BUTTERWORTH
Penjamin 1	: MOHAMAD AKHIR BIN MUSTAFFA - 64072802**** C02-06 KONDOMINIUM MUTIARA, JALAN PERDA BARAT, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: MOHD NORDIN BIN SIROON - 59052307**** M-G-15 PANGSAPIRI, TANJUNG TOKONG, FASA 4A, 10470 PULAU PINANG	Penjamin 1	: HAFIDZI BIN ABDULLAH - 57120708**** NO. 1 JALAN		

OKTOBER

4 Okt.	: Charity Silent Cycle & Walk 2015
Masa	: 8.00 pagi
Tempat	: Padang Kota Lama
Penganjur	: Persatuan Sukan Orang Pekak Pulau Pinang (PSDeaf)
Telefon	: 012-6719440 (Siti Zubaidah - Jurubasa)
Email	: psdeaf@gmail.com
11 Okt.	: Kwong Wah Yit Poh City Run 2015
Masa	: 7.00 pagi
Tempat	: Jalan Dr. Lim Chwee Leong
Penganjur	: Kwong Wah Yit Poh
Telefon	: 04-2612312 / 012-4052934
Email	: komaleong@yahoo.com
11 Okt.	: Penang MTB Challenge 2015
Masa	: 7.00 pagi
Tempat	: Kompleks Sukan Balik Pulau
Penganjur	: Cleaner & Greener Sports
Telefon	: 012-4200014 (Edric)
Email	: penangevents.com.my

KALENDAR SUKAN MASSA 2015 (Okt. - Dis.)

25 Okt.	: Rock to Rock Run 2015
Masa	: 7.00 pagi
Tempat	: Hard Rock Cafe & Hard Rock Hotel Penang, Batu Ferringhi
Penganjur	: Hard Rock Cafe & Hotel Penang
Telefon	: 012-4212565 (Thomas Ch'ng) / 012-4518923 (Teh Hock Aun)
Email	: thomas.chng@hardrockhotels.net teh.ha@hardrockhotels.net

NOVEMBER

1 Nov.	: Guang Ming Bukit Jambul Hikathon
Masa	: 7.00 pagi
Tempat	: Kawasan Mendaki Bukit Jambul
Penganjur	: Kelab Pendaki Bukit Jambul
Telefon	: 016-4042099 (Lim Beng Chuan)
Email	: limbengchuan@yahoo.com

15 Nov.	: Kayuhan Amal Bukit Mertajam Charity Ride
Masa	: 7.30 pagi
Tempat	: Stadium MPSP Jalan Betik (Sungai Rambai) Bukit Mertajam
Penganjur	: Kelab Basikal Bukit Mertajam
Telefon	: 012-4928664 (KH Lim)

21 & 22 Nov.	: Penang Bridge International Marathon
Masa	: 8.00 pagi - 5.00 petang
Tempat	: Jambatan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah
Penganjur	: Penang Tourism
Telefon	: 04-2619012
Email	: hm@penangmarathon.gov.my

DISEMBER

6 Dis.	: LP Mountain Bike Carnival 2015
Masa	: 7.00 pagi
Tempat	: Stadium Jalan Betik Bukit Mertajam
Penganjur	: LP Mountain Bike
Telefon	: 019-5516161 (Bernard Lim) / 019-4754248 (Andrew Lim)
Email	: admin@lpmtb.my



TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453
Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesahkan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.
(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 2536 : SARAVANAN A/L SUBARAMIAM - 70091407*** CAWANGAN KHAS, IPD. SANDAKAN, PETI SURAT NO. 37, 90700 SANDAKAN, SABAH	No Akaun Peminjam	: 2540 : YEAP DAN KWEI - 70021607*** 82 LORONG DAMAI 1, TAMAN DESA PALMA, 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 2567 : SUNDARESAN A/L SATHASIVAM - 71122807*** 33 JALAN DAMAI PERDANA 4/IE, BANDAR DAMAI PERDANA, CHERAS 56000 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam	: 2573 : ZULKARNAIN BIN ABDULLAH - 62102007*** 11 JALAN P. RAMLEE 10460 PULAU PINANG
Penjamin 1	: SHANMUGAM A/L SUBRAYAN - 64070302*** 8681 POKOK MACHANG, 13300 TASEK GELUGOR, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: RAMAKRISHNAN A/L VKKALIYANASUN - 47060308*** 121-R JALAN UTAMA, 10450 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SATHASIVAM A/L KUDDAYAN - (MENINGGAL DUNIA) 24 LORONG REMIA 4, TAMAN REMIA, CHEROK TO KUN ATAS, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: AZMAN SHAH BIN OMAR SHAH - 60043008*** NO. 19 JALAN JAMBU BERTH 4/3F, SEKSYEN 4, SHAH ALAM, 40000 SELANGOR
Penjamin 2	: K RAJINTHIRAN A/L P KRISHNAN - 64101310*** LOT 73 TAMAN MELLENNIUM, JALAN TINOSAN BATU 4, 90000 SANDAKAN, SABAH	Penjamin 2	: GOH SEAT KOK - 47060607*** NO. 1-S, JALAN DELIMA, ISLAND GLADES, GELUGOR, 11700 PULAU PINANG	Penjamin 2	: INDRANEE A/P MUNIANDY 1160 KAMPUNG BARU, JALAN KULIM, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ABDUL RAHIM BIN ISMAIL - 59071507*** 32 LORONG MURNI 4, TAMAN DESA MURNI, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam	: 2581 : NG VIN PING - 72033007*** 17 TINGKAT SENTOSA, TAMAN BUKIT RIA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 2602 : CHOO ANNE ANNE - 72012110*** A16-09 BLOCK A, USJ ONE AVENUE CONDO, PERSIARAN SUBANG MEWAH USJ 1, 47600 SUBANG JAYA, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 2618 : LEE SEONG TATTI - 72032207*** 44 JALAN JENARIS 4/KS 6, BANDAR BOTANIK, KLANG, 41200 SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 2621 : LIM BEE NAH - 72040307*** 6V-1-4 LORONG SEMARAK API 2, BANDAR BARU AYER ITAM 11500 PULAU PINANG
Penjamin 1	: CHI YAP CHIU - 45100408*** 5 MEDAN BINJAI, TAMAN SRI RAMBAI 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: CHU AH POW - 42062608*** A16-09 BLOK A, USJ ONE CONDO, PERSIARAN SUBANG MEWAH, USJ 1, 47610 SUBANG JAYA, SELANGOR	Penjamin 1	: LEE GUAT BEE - 62111407*** D234 LORONG 16, TAMAN SEJATI INDAH, 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH	Penjamin 1	: CHOONG KEAN TAT - 65012807*** 54-1 TAMAN SRI DAMAI, LEBUHRAYA BATU LANCANG, 11600 PULAU PINANG
Penjamin 2	: BEE BAK NGUANG@BEH BAK NAM - 39061408*** NO. 71 JALAN SENTOSA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 2	: ANG ENG THANG - 71042807*** 1-09 BLOK C, TAMAN PELANGI, 13600 PERAI	Penjamin 2	: HO CHEOW BENG - 61042407*** NO. 21 LORONG SERI BERTAM 4, TAMAN SERI BERTAM, 13200 KEPALA BATAS, SPU	Penjamin 2	: HENRY GOH WEE BOO - 70053107*** 1-3A-10 SUMMER PLACE, LEBUH SUNGAI PINANG 8, 11600 PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 2634 : OON CHIN WAH - 70042007*** RB 7-G-7 TAMAN TUNAS MUDA, PERSIARAN BAYAN 3, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2641 : LOO SUE PING - 72041508*** NO. 12 PINTASAN KELICAP 11, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2757 : ABDUL RAHMAN BIN OTHMAN - 75050813*** 93A BLOK J MUKIM 12, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS 11900 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 2769 : RIZANI BINTI ISMAIL - 74100108*** NO. 20 LORONG TELUK AIR TAWAR 1, TAMAN TELUK AIR TAWAR INDAH, 13050 BUTTERWORTH
Penjamin 1	: SIM GYA LEE - 44092107*** 15 EVERGREEN ROAD, FETTES PARK, TANJONG BUNGAH, 11200 PULAU PINANG	Penjamin 1	: LOO NAM KING @ LOO NAM CHIN - 47032508*** NO. 12 PINTASAN KELICAP 11, 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: AMIR HAMZAH BIN OTHMAN - 64041407*** A-9-4 KONDOMINIUM MUTIARA, BANDAR PERDA, 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: HAZRI BIN ISMAIL 50 JALAN SRI DESA, KAMPUNG BESAR, 13300 TASEK GELUGOR, SPU
Penjamin 2	: DAVID KHEW - 70070907*** 11A-11-12A TAMAN TERUBONG JAYA, 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 2	: PHEN PAT HOON - 56043008*** 79 LORONG BUKIT PANCHOR 3, TAMAN BUKIT PANCHOR, 14300 NIBONG TEBAL, SPS	Penjamin 2	: MOHD AROP B HJ SENAWI - 52062907*** 22-E BLOK K, MUKIM 12, BATU MAUNG, BAYAN LEPAS, 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: HAZRIN BIN ISMAIL - 71121207*** NO. 23 JALAN BP 5, TAMAN BAYU PERMAI, 48000 RAWANG, SELANGOR
No Akaun Peminjam	: 2783 : ZAIASMAWI BIN NAYAN - 74063007*** NO.56 JALAN HIJAU 12/3, BANDAR TASEK PUTERI 48000 RAWANG, SELANGOR	No Akaun Peminjam	: 2793 : HAMZOL ASWAI BIN JUSOH - 74042702*** NO. 35, KAMPUNG RANTAU PANJANG 09800 SERDANG, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 2793 : HAMZOL ASWAI BIN JUSOH - 74042702*** NO. 35, KAMPUNG RANTAU PANJANG 09800 SERDANG, KEDAH	No Akaun Peminjam	: 2793 : HAMZOL ASWAI BIN JUSOH - 74042702*** NO. 35, KAMPUNG RANTAU PANJANG 09800 SERDANG, KEDAH
Penjamin 1	: SOOM BT AWANG - 44112407*** 4358 SIMPANG EMPAT PERMATANG BULOH, 13200 KEPALA BATAS, SEBERANG PERAI UTARA	Penjamin 1	: ROSIDI BIN HUSSIN - 64042808*** NO. 595 JALAN MUTIARA 5/3, TAMAN MUTIARA, SUNGAI KOB, 09700 KARANGAN, KEDAH	Penjamin 1	: ROSIDI BIN HUSSIN - 64042808*** NO. 595 JALAN MUTIARA 5/3, TAMAN MUTIARA, SUNGAI KOB, 09700 KARANGAN, KEDAH	Penjamin 2	: 37 TAMAN BUNGA TANJUNG, 09500 MAHANG, KULIM, KEDAH
Penjamin 2	: MOHD ZAILANI B NAYAN - 64062607*** 45 LINTANG BAYAN 7, SUNGAI ARA, BAYAN LEPAS, 11900 PULAU PINANG	Penjamin 2	: DOLAH ALING BIN AHMAD - RF/T8*** 37 TAMAN BUNGA TANJUNG, 09500 MAHANG, KULIM, KEDAH	Penjamin 2	: DOLAH ALING BIN AHMAD - RF/T8*** 37 TAMAN BUNGA TANJUNG, 09500 MAHANG, KULIM, KEDAH		

Lawatan sehari Puteri Thailand kukuh hubungan dua hala

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

GEORGE TOWN – Puteri Thailand, Duli Yang Teramat Mulia (DYTM) Maha Chakri Sirindhorn baru-baru ini mengadakan lawatan kerja rasmi sehari ke Pulau Pinang.

Ketibaan Sirindhorn disambut oleh Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng serta isteri, Betty Chew Gek Cheng dan barisan kepimpinan Kerajaan Negeri yang lain.

Antaranya, Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Dato' Seri Farizan Darus serta beberapa pimpinan tertinggi kerajaan kedua-dua pihak termasuk Konsul Jeneral Diraja Thailand ke Pulau Pinang, H.E. Ekajit Kraivichien, pemangku Konsul Jeneral Diraja Thailand ke Kota Bharu, H.E. Akavuth Chitapatima dan beberapa Pegawai Tertinggi Kedutaan Thailand dari Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kelantan.



ANTARA pegawai-pegawai dari Thailand.

Umumnya, lawatan beliau adalah bagi memperkuatkan hubungan dua hala yang sedang terjalin sebelum ini.

Memulakan lawatan, beliau mengadakan perjumpaan tertutup bersama-sama pimpinan tertinggi kerajaan sebelum dibawa ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Convent Lebu Light dan Muzium Negeri Pulau Pinang.

Beliau yang diiringi 40 pelatih dari Akademi Tentera Diraja Chulachomklao dan pegawai tertinggi dari Thailand turut mengadakan lawatan ke Muzium Peranakan Pulau Pinang dan Tapak Warisan Dunia sebelum diraikan dalam sebuah majlis makan malam oleh Penang Heritage Trust (PHT) di sini baru-baru ini.

Menurut jurucakap delegasi Thailand, kali terakhir Sirindhorn mengadakan lawatan ke Pulau Pinang adalah ketika Malaysia di bawah pentadbiran Perdana Menteri pertama iaitu Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj.



KETIBAAN DYTMA Maha Chakri Sirindhorn (tiga dari kanan) disambut oleh Ketua Menteri dan isteri serta pimpinan tertinggi Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.



KURATOR Muzium Negeri Pulau Pinang, Haryani Mohamad (kanan sekali) memberi penerangan mengenai sejarah negeri kepada para delegasi.

Jangan takut buat laporan kes rasuah kepada SPRM – Yusof

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

BATU UBAN – Sebanyak 39 kertas siasatan berhubung kes rasuah dibuka oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Pulau Pinang dari awal tahun sehingga Oktober 2015.

Menurut Timbalan Pengarahnya, Yusof Shamsuddin, kertas siasatan tersebut adalah melibatkan kakitangan kerajaan, swasta dan persendirian.

“Semua 39 kertas siasatan terbabit masih lagi dalam siasatan dan bagi pihak kerajaan, ianya adalah melibatkan golongan pengurusan serta profesional.

“Selain itu, SPRM negeri ini turut menerima 204 maklumat dan berdasarkan itu, 39 kertas siasatan telah dibuka, selebihnya kita (SPRM) akan rujuk kepada jabatan dan lain-lain tindakan perlu,” katanya pada sidang media penganjuruan Dialog Eksekutif SPRM Pulau Pinang Bersama-sama Vendor, Pelabur dan Rakan Niaga PDC di sini baru-baru ini.



ROSLI Jaafar (kanan) menyampaikan cenderamata penghargaan kepada Yusof Shamsuddin yang hadir menyempurnakan Majlis Perasmian Dialog Eksekutif SPRM Pulau Pinang Bersama-sama Vendor, Pelabur dan Rakan Niaga PDC di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar yang juga salah seorang panel pada sesi dialog berkenaan.

Antara intipati dialog yang bertujuan memberi penerangan berhubung penguatkuasaan Akta SPRM 2009, antaranya, menyentuh mengenai langkah meningkatkan kesedaran berhubung impak rasuah kepada masyarakat khasnya dalam sektor swasta, meningkatkan

kesedaran bahawa tindakan mencegah rasuah adalah tanggungjawab bersama, mewujudkan hubungan baik antara SPRM bersama-sama wakil sektor swasta dan kaedah membuat laporan berhubung kes-kes rasuah dan tanggungjawab dalam Pencegahan Rasuah.

Mengulas lanjut, Yusof yang juga salah seorang panel memberitahu bahawa pada tempoh



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.

berkaitan, seramai 27 individu telah didakwa menerima dan memberi rasuah.

“Mereka ditahan hasil dari maklumat awam. Justeru, kami (SPRM) meminta kerjasama orang ramai untuk menyalurkan maklumat kepada SPRM jika terdapat aktiviti rasuah yang dikesan di sekeliling.

“Ini adalah bagi membolehkan

kita (SPRM) siasat, tangkap dan dakwa mereka yang terlibat dalam kes rasuah,” jelasnya.

Tambah beliau, umum tidak harus takut membuat laporan berhubung sesuatu kes rasuah kerana SPRM sentiasa menjaga identiti pengadu serta memberi maklumat berhubung kes salah laku yang dilaporkan.

Komitmen Shan Poornam ‘proses’ sisa jadi bahan mentah dihargai

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

BUKIT TENGAH – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng merakamkan penghargaan atas komitmen syarikat Kumpulan Shan Poornam Metal Sdn. Bhd. (Shan Poornam) memproses sisa menjadi bahan mentah untuk keperluan industri di Malaysia dan rantau Asia Tenggara sehingga kini.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan perasmian pada Majlis Jamuan Malam dan Sambutan Ulang Tahun Ke-55 Shan Poornam di sini baru-baru ini.

“Saya telah diberitahu bahawa kebanyakannya teknologi yang tinggi telah disesuaikan untuk memenuhi keperluan Shan Poornam ini.

“Saya bangga ia adalah sebuah syarikat berpengalaman di Pulau Pinang,” jelasnya pada

majlis berkaitan.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy, Exco Kebajikan & Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh, Setiausaha Perbandaran MPSP, Sr. Rozali Mohamud, Pengarah Urusan Shan Poornam, S. Selvakumar dan Pengarah Korporat Shan Poornam, Rose Kuan turut serta majlis keraian tersebut.

Guan Eng yang juga Ahli Parlimen Bagan turut memuji syarikat tersebut kerana diberi kepercayaan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan *Japan International Corporation Agency* (JICA) untuk menerajui projek kitar semula serta pemulihan *e-waste* dan klorofluorokarbon (CFC) dari rumah pada peringkat Kebangsaan.

“Malah, Kementerian Perdagangan dan Ekonomi Industri Jepun (METI) juga telah membantu pemindahan teknologi dari Jepun ke kilang terbaru Shan Poornam,” kata beliau.

Tambah Guan Eng, dengan penubuhan kilang baru, Shan Poornam Greentech Sdn. Bhd., Shan Poornam akan juga menjadi industri pertama di Malaysia yang melakukan kerja-kerja pemulihan, untuk projek *Domestic Household Electrical and Electronic Wastes*.

D i f a h a m k a n , sebanyak RM60 juta



KETUA MENTERI diberi penjelasan oleh S. Selvakumar (dua dari kanan) mengenai sisa-sisa yang diproses pada Majlis Jamuan Malam dan Sambutan Ulang Tahun Ke-55 Shan Poornam di sini baru-baru ini.

dilaburkan dalam fasa pembangunan syarikat tersebut, dengan jangkaan pulangan sebanyak RM200 juta dalam tempoh lima sehingga 10 tahun, bagi menampung anggaran mengejutkan 720,000 tan metrik sisa yang dihasilkan setiap tahun.

“Dengan ini, 270 tan metrik CFC setiap tahun akan dihasilkan. Di samping itu, ini juga akan menjana peluang pekerjaan bagi 500 kakitangan.

“Kerajaan Negeri Pulau Pinang sentiasa memainkan peranan yang amat besar dalam kitar semula dengan konsep 4R.

“Mereka telah meneraju projek kitar

semula tiub pendarfluor secara bersama-sama antara Shan Poornam dan Nomura Koshaan dari Jepun,” ujar Guan Eng.

Shan Poornam kini mempunyai kemudahan di Kuala Lumpur, Johor dan Sarawak, sebagai perintis serta pemimpin untuk Syarikat Pengurusan Sisa Berjadual di Malaysia dan juga di Asia Tenggara.

Malah, pihak berkaitan juga sedang menguruskan 5,000 MT sebulan sisa berbahaya serta menghasilkan produk siap hijau seperti jongkong aloy aluminium, platinum, emas, paladium, perak dan bukan logam ferus.

KILANG Shan Poornam yang terletak di Juru.



Undang-undang Pengasingan Sisa Di Punca, KN alu cadangan umum

“Trade In Your Ex”
is online now!
Find new owners or
buyers for your
used items!

Download “Trash2Treasure”

Available on the App Store | Get it on Google play

Penang Green Council
46th Floor, KOMTAR, 10503, Penang.
T: +604-250 3322 | F: +604-250 3323
W: www.pgc.com.my | E: info@pgc.com.my

PENANG
GREEN COUNCIL



CHOW Kon Yeow (lima dari kiri) menyerahkan sijil penyertaan Seminar Lab Pengasingan Sisa Di Punca kepada wakil-wakil kumpulan perintis pada penganjurannya di sini baru-baru ini.

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

GEORGE TOWN – Sebagai inisiatif bagi mengurangkan penghantaran sisa pepejal ke tapak pelupusan sisa yang kian bertambah, Kerajaan Negeri bakal menguatkuasakan Undang-undang Kecil Pengasingan Sisa di Punca Pihak Berkusa Tempatan secara mandatori mulai 1 Jun 2016.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, selaras itu, Kerajaan Negeri mengalu-alukan sebarang cadangan berhubung penyediaan undang-undang berkaitan agar ia lebih menyeluruh dan teliti.

“Kerajaan Negeri ingin melibatkan semua pihak dalam proses merangka dan menyediakan Undang-undang Kecil Pengasingan Sisa di Punca Pihak Berkusa Tempatan ini.

“Justeru, dialog bersama-sama rakyat dan badan pengurusan bersama (JMB) akan diadakan bagi tujuan berkaitan.

“Sebanyak tujuh kumpulan projek perintis telah dikenal

pasti iaitu merangkumi kampung, Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), kilang, taman perumahan serta kompleks membeli-belah, outlet makanan, hotel dan kediaman bertingkat,” katanya pada Seminar Lab Pengasingan Sisa Di Punca anjuran Bahagian Kerajaan Tempatan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin, Soon Lip Chee (ADUN Jawi), Lee Khai Loon (ADUN Machang Bubuk) dan Ketua Unit Pengurusan Sisa Pepejal Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri, Oon Lai Kuan.

Menurut Kon Yeow, walaupun Pulau Pinang dikecualikan dari klausula perundangan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Akta 672) berhubung pelaksanaan dasar tersebut, Kerajaan Negeri tetap akan meneruskan hasrat berkenaan.

“Umumnya, klausula perundangan akta tersebut hanya melibatkan Wilayah Persekutuan, Putrajaya, Pahang, Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Kedah dan Perlis.

“Namun, kita (Pulau Pinang) akan tetap laksanakannya demi kebaikan negeri ini,” jelas beliau.

Peserta *ultra marathon* berani cabar keupayaan diri - Exco

Gambar : **AMANDA KHONG XIA LING**

PADANG KOTA – Seramai 647 peserta dari 15 negara mengambil bahagian dalam kejohanan Ultra Marathon Pulau Pinang 2015 yang memperuntukkan seseorang peserta menamatkan cabaran larian masing-masing sejauh 100 kilometer (km), 84km dan 50km.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, setiap peserta yang mengambil bahagian adalah amat dikagumi kerana mereka berani mencabar keupayaan dan kemampuan diri.

“Acara ini sememangnya mampu mencabar mental dan fizikal seseorang ekoran jarak larian yang amat jauh dan juga mencabar.

“Ia bukan sesuatu yang biasa dan hanya



CHONG Eng (kiri) mengiringi salah seorang peserta berlari ke arah garisan penamat.

golongan yang kental mampu melakukannya,” katanya ketika hadir pada Majlis Penyampaian Hadiah Kejohanan Ultra Marathon Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

Disokong oleh Kerajaan Negeri dan Majlis



PARA peserta Ultra Marathon Pulau Pinang 2015 memulakan cabaran kejohanan di sini baru-baru ini.

Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), kejohanan tahun kedua tersebut merupakan anjuran badan-badan bukan kerajaan (NGO), BetterPenang dan syarikat pengeluar barang sukan, Active Style.

Mengulas lanjut, Chong Eng berharap kejohanan Ultra Marathon Pulau Pinang terus memperoleh sokongan pelbagai pihak dalam menjadikan negeri ini sebagai sebuah ‘bandar’ sukan.

Pembangunan akar umbi perlu bagi lahir atlet taraf dunia



R.S.N. Rayer (dua dari kiri) bergambar kenangan dengan barisan atlet dan jawatankuasa pengajur pada majlis penutupan program.

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

PULAU TIKUS – Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong menyatakan bahawa dalam usaha melahirkan atlet bertaraf dunia, pembangunan pada peringkat akar umbi adalah perlu sempurna.

Justeru, katanya, inisiatif berkaitan perlu dilaksanakan menerusi kajian mendalam dan penggunaan teknologi sekiranya perlu.

“Sebagaimana sukan berprestasi tinggi, setiap latihan yang dijalankan adalah amat sukar

dan tiada jalan pintas melainkan usaha serta mengoptimalkan kemudahan yang ada,” katanya pada Majlis Perasmian Simposium Sukan Negeri Pulau Pinang anjuran Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP).

Antara panel yang hadir, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Sukan Negara (ISN), Datuk Dr. Ramlan Abdul Aziz; Pengarah MSNPP, Frederick Tan Teck An; Ahli Majlis bagi Sains Sukan MSNPP, Dr. Teoh Heng Teong; wakil Institut Perubatan dan Pergigian Universiti Sains Malaysia (USM), Prof. Dr. Rabindarjeet Singh dan Pengarah Sekolah Sukan Singapura, Dr. Irwin Seet.

Dalam pada itu, pada majlis penutupan, Ahli Dewan Undangan (DUN) Seri Delima, R.S.N. Rayer yang hadir menasihatkan supaya para atlet dan pegawai-pegawai berkaitan supaya menimba ilmu sebanyak yang mungkin.

“Keajaiban tidak akan berlaku dalam satu malam sahaja, maka apa yang penting adalah kekal fokus dalam mencapai kejayaan,” seru beliau.

FREDERICK Tan Teck An (kiri) menyampaikan cenderahati kepada Steven Sim Chee Keong yang hadir merasmikan Simposium Sukan Negeri Pulau Pinang di sini baru-baru ini.



Daftar APBIM rebut hadiah kereta

Gambar :
ALISSALA THIAN

GEORGE TOWN – Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang mempelawa orang ramai mengambil bahagian dalam kejohanan Asics Penang Bridge International Marathon 2015 (APBIM) terutamanya bagi merebut hadiah cabutan bertuah berupa Proton Iriz dan Proton Saga.

Katanya, tajaan dua buah kereta daripada pihak Proton Edar Sdn. Bhd. merupakan tarikan utama pengajuran tahun ini.

“Berbanding tahun-tahun sebelumnya, tahun ini, dua buah kereta menjadi rebutan para peserta yang mengambil bahagian,” katanya pada Majlis Pelancaran APBIM 2015 di sini baru-baru ini.



DUA model memperagakan jersi kejohanan.



DANNY Law Heng Kiang (kiri sekali) beramah-mesa dengan barisan penaja pada Majlis Pelancaran APBIM 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, wakil-wakil barisan penaja. Turut diadakan adalah pertunjukan fesyen yang memperagakan baju kejohanan yang menarik.

Tambah Heng Kiang, larian pada tahun ini mensasarkan 30,000 penyertaan dari dalam dan luar negara.

“Sebagaimana pengajuran sebelum ini, empat kategori pertandingan menjadi taruhan iaitu, Maraton Penuh 42 kilometer (km) untuk Terbuka Lelaki, Terbuka Wanita, Veteran Lelaki dan Veteran Wanita; Separuh Maraton 21km (Terbuka Lelaki, Terbuka Wanita, Veteran Lelaki dan Veteran Wanita); 10km Terbuka (Lelaki dan Wanita) serta 10km (Junior Lelaki dan Junior Wanita) dan Larian Ria (Fun Run) 8km,” jelasnya.

Dalam pada itu, beliau turut merakamkan ucapan terima kasih kepada syarikat barang sukan, Asics Sports yang terus menjadi penaja utama bagi kejohanan marathon terbesar di Malaysia berkaitan.

Tarikh tutup pendaftaran APBIM 2015 adalah pada 31 Oktober 2015. Bagi yang berminat, daftar melalui <http://penangmarathon.gov.my/portal> atau melalui Facebook, Penang Bridge International Marathon 2015.

Kopi Cap Lesong kekal prinsip asli dan tradisional

Oleh : YAP LEE YING
Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

JENAMA unik kopi keluaran seorang usahawan muda menarik Skuad Jalan-jalan Buletin Mutiara bertandang ke Kampung Jarak Atas, Tasek Gelugor, Seberang Perai Utara (SPU) baru-baru ini.

Serbuk Kopi Campuran Cap Lesong, tertarik dengan ejaan lama ‘lesong’, penulis kemudian bertanya kepada pemiliknya, Suhaidi Othman, 31, mengenai asal-usul ia.

Suhaidi yang agak pemalu orangnya memberitahu bahawa idea tersebut adalah daripada ibunya dan peralatan tersebut turut dimiliki arwah tok wan beliau yang menggunakan ia untuk menumbuk bahan-bahan masakan terutama rempah ratus pada zaman dahulu kala.

“Tambah pula, saya rasakan yang ‘lesong’ dan serbuk campuran kopi yang dihasilkan keluarga kami boleh *ngam*.

“Sebabnya, kami hanya menumpukan penghasilan dan pengeluaran serbuk campuran kopi tradisional atau asli. Maknanya bukan yang berperisa *expresso* atau *3 in 1* yang memenuhi pasaran kini,” katanya yang telah mengambil alih perniagaan keluarganya sejak tahun 1992.

Selain jenama, keunikan serbuk campuran kopi yang telah berada di pasaran tempatan sejak tahun 1987 adalah pada kesegarannya.

(Serbuk) kopi-kopi ini digoreng dan dibungkus pada setiap minggu. Maknanya, tiada stok lama yang disimpan walaupun untuk pasaran dekat-dekat sini.

“Umumnya, memproses biji kopi menjadi serbuk memerlukan kemahiran terutamanya dalam menentukan sukanan setiap adunan yang perlu dimasukkan.

“Arwah ayah membuat adunan kopi sejak saya masih kecil, namun, bagi memperoleh adunan yang betul-betul tepat, kami menghabiskan tempoh kira-kira 10 tahun.

“Maknanya, selepas 10 tahun, adunan yang dibuat baru betul-betul *cun*, tidak rasa hangit dan tiada *complaint* langsung daripada *customer*,” jawab Suhaidi yang merupakan anak bongsu daripada empat beradik.

Suhaidi memberitahu, biji kopi yang digunakan beliau adalah jenis *robusta* dari Indonesia kerana rasanya adalah lebih menepati citarasa ‘orang Utara’.

“Biji-biji kopi pada mulanya digoreng selama 15 minit menggunakan kayu api, yang mana kaedah ini memberi kelainan kepada rasa Serbuk Kopi Campuran Cap Lesong yang dihasilkan.

“Selepas ia (biji kopi) ‘melompat-lompat’ macam *pop corn*, tambahkan gula ke dalam kawah dan kacau selama 20 minit.


“Selepas itu, masukkan marjerin, mentega dan gandum untuk mengelakkan biji-biji kopi daripada melekat antara satu sama lain, kacau lagi selama 30 minit.

“Biji-biji kopi kemudian diangkat dan diletakkan di atas meja selama lima hingga 10 minit untuk dikeringkan sebelum dimasukkan ke dalam mesin pengisar untuk dihancurkan dan dibungkus,” jelasnya yang kini dikurniakan tiga cahaya mata.

Kini, selain serbuk campuran kopi, turut dihasilkan adalah serbuk teh yang turut memperoleh permintaan ramai.

“Penghasilan serbuk teh kami adalah hasil campuran daun-daun teh dari Indonesia, Argentina dan India.

“Kami mengekalkan prinsip tidak meletakkan sebarang pewarna pada produk (kami). Saya tidak



RUPA bentuk biji kopi *robusta* yang digunakan.

sanggup buat walaupun warna air teh akan menjadi lebih menarik sekiranya diletak pewarna. Tambahan pula, teh boleh ditapis banyak kali.

“Orang nak minum teh dan

bukannya pewarna atau perasa tiruan,” ujarnya ringkas namun penuh dengan makna tersirat.

Bagi Suhaidi, walaupun tidak menghadapi persaingan dalam bidang tersebut, kos harga barang



SEBAHAGIAN produk yang dihasilkan.



SUHAIDI Othman (kiri) bersama-sama salah seorang kakitangannya.

mentah dan nilai mata wang negara yang menjunam banyak memberi impak kepada perniagaannya kini.

“Paling mahal adalah biji kopi. Sebelum (nilai) ringgit jatuh, harga satu tan biji kopi adalah RM7,500, selepas (nilai ringgit) jatuh, kini berharga RM9,000.

“Memang terasa sangat, namun tidak apa yang boleh dibuat,” jelas beliau yang tidak menafikan bahawa kerena pelanggan juga merupakan salah satu cabaran yang tidak dapat dielakkan dalam bidang perniagaan.

Bagi Suhaidi, adalah menjadi impiannya untuk memperluaskan pasaran produknya yang kini hanya tertumpu di Seberang Perai, Alor Star, Kedah dan Bayan Lepas pada masa hadapan.

“Prinsip yang dipegang adalah buat sampai orang boleh terima dan diri rasa puas hati.

“Walaupun anak-anak masih kecil, adalah diharapkan mereka dapat mewarisi perniagaan ini kelak sebagaimana saya mewarisinya daripada Pak Man Kopi iaitu arwah ayah saya,” katanya sambil menghidangkan kopi Cap Lesong sebagai penghilang dahaga kepada kami yang bertandang.

INFO :
LESONG BESTARI MARKETING
851, Jalan Padang Chempedak Jarak Atas,
13300 Tasek Gelugor, SPU.
No. Tel.: 012 - 447 8101
(Suhaidi) / 016 - 410 0072
(Suhaimi) / 04 - 573 2991
Faks: 04 - 573 7662
Laman web: www.caplesong.com

Fatwa ikut syariat, untuk keselamatan umat – Mufti

KEBENARAN menggunakan pemberitaan suara untuk tujuan azan dan iqamah sahaja di Pulau Pinang mengundang pelbagai reaksi.

Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Pulau Pinang yang terbabit dalam isu berbangkit tersebut turut digambarkan tunduk pada kemauan politik Kerajaan Negeri.

Mufti Kerajaan Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor semasa diwawancara oleh wartawan akhbar Buletin Mutiara, **ZAINULFAQAR YAACOB** baru-baru ini ada menjelaskan mengenai gambaran sebenar mengenai satu-satu fatwa itu dikeluarkan.

“Satu-satu fatwa ini dihasilkan oleh sebuah Jawatankuasa Fatwa, yang keanggotaannya terdiri oleh mereka yang kita anggap sebagai pakar dalam bidang masing-masing.

“Sebenarnya kita (Jawatankuasa Fatwa) memang diberikan kebebasan untuk berbincang mengenai satu-satu perkara baharu membabitkan umat Islam.

“Dalam isu azan ini, Ketua Menteri (Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng) sendiri pun baru tahu sahaja, itupun melalui akhbar sahaja, sama seperti Exco Hal Ehwal Agama Islam (Dato' Abdul Malik Abul Kassim).

“Ini, menunjukkan bahawa perkara ini adalah tidak ada kena-mengena dengan mana-mana ahli politik, kerana Majlis Fatwa mempunyai kebebasan tersendiri untuk memberikan penjelasan mengenai satu-satu perkara, di bawah perkenan Duli Yang Maha Mulia Yang Dipertua Agong,” jelas Wan Salim semasa ditemubual di Pejabat Mufti Negeri dekat Komtar baru-baru ini.

Fatwa Ikut Syariat

Wan Salim memberitahu, Rasulullah S.A.W pernah melarang seorang sahabat yang sedang membaca Al-Quran dengan meninggikan suaranya sampai mengganggu orang lain. (hadith sahih riwayat Abu Daud)

Katanya, apabila Al-Quran dibaca, hendaklah didengar atau diam untuk mendapat Rahmat Allah S.A.T.. (rujuk Surah Al-A'a'raf: 204)

“Fatwa mesti ikut syariat, bukan ikut orang politik, dan Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bahas isu berbangkit ini kerana ada aduan.

“Selain melihat dari aspek fiqh, Majlis Fatwa akan meneliti aduan-aduan daripada banyak pihak, seperti ada orang sakit atau kanak-kanak kecil nak tidur, ada yang nak berehat di rumah selepas penat bekerja dan sebagainya.

“Pokoknya, tujuan fatwa atau *Irsyad Hukum* ini dikeluarkan adalah untuk memelihara imej Islam sebagai agama yang sensitif serta menjaga kesejahteraan semua pihak, supaya tidak terpalit dengan sikap sesetengah pihak yang tidak melihat semua yang disebutkan ini,” tegas beliau.

Agenda umat

Wan Salim memberitahu bahawa ketidianaagenda umat yang besar merupakan salah satu faktor penyumbang pada umat Islam terus saling prasangka sesama sendiri.



DR. WAN SALIM WAN MOHD. NOOR.

“Pertama, kita tak perlu melenting atau melatah dengan fatwa-fatwa seumpama ini, kerana isu azan dan iqamah ini adalah syiar dan juzuk yang kecil daripad juzuk-juzuk Islam yang lebih luas.

“Sepatutnya umat Islam perlu sensitif dengan perkara-perkara yang lebih besar, seperti agenda memartabatkan ekonomi umat Islam, menyemarak integriti dalam diri, kerana banyak pemimpin Islam dikaitkan dengan unsur rasuah dan penyelewengan kuasa.

“Umat Islam ini adalah umat yang besar, kalau nak dinisbahkan kepada kaum Melayu pun, masih besar.

“Umat yang besar wajar memikirkan agenda-agenda yang besar, antaranya agenda dakwah dari satu rumah ke satu rumah untuk mengajak memakmurkan rumah Allah (masjid).

“Syiar atau syariat Islam yang mana mampu didahulukan untuk kita buat, kita buat tanpa perlu diheboh-hebohkan.

“Dan yang mana mampu dilaksanakan secara beransur-ansur, maka, dilaksanakan secara sabar dan berterusan.

“Macam syariat membaca Al-Quran, jangan terlalu kuat sampai mengganggu orang lain yang sedang mendirikan solat umpannya, lazim membaca Al-Quran secara belajar dan menghayati maksudnya.

“Jangan kita malas membaca Al-Quran serta menghayati isi kandungnya, sehingga kita membuka kaset bacaan Al-Quran menggunakan pembesar suara secara terlalu kuat sampai mengganggu privasi orang lain, sedangkan ada syariat menyuruh kita membaca Al-Quran dengan nada yang rendah

atau diam mendengar kalam suci Allah,” jelas beliau lagi.

Takfiri dan budaya pelampau

Selain itu, Wan Salim turut menasihatkan semua pihak supaya menjauhkan institusi masjid daripada budaya *takfiri* atau saling mengkafir disebabkan faham melampau dalam kalangan umat Islam sendiri.

“Sepatutnya konsep ‘Islam Rahmat Ke Seluruh Alam’ ini mesti sampai dihidupkan dalam masjid, jangan berlebar di Komtar sahaja kerana itu tema Maal Hijrah 1437H.

“Ustaz dan ustazah serta para Alim Ulamak perlu memainkan peranan ini, bagaimana umat manusia boleh dekat dengan masjid dengan konsep *Islam Rahmatan Lil 'Alamin* ini.

“Mimbar masjid janganlah dijadikan medan untuk menyebarkan politik kebencian sesama umat Islam.

“Jangan ucapan-ucapan kita yang tidak enak atau tidak ilmiah atau melampaui batas di mimbar-mimbar masjid ini pula membawa keburukan pada imej Islam sebagai agama rahmat untuk semua manusia,” ujar beliau.

“Apa guna kita membuli mana-mana golongan yang lemah walaupun atas nama agama, tetapi akhirnya orang Islam sendiri akan takut dengan budaya pelampau kita.

“Sesungguhnya ‘Islam Rahmat Ke Seluruh Alam’ yang dibawa oleh Rasulullah S.A.W bukan menakut-nakutkan masyarakat di sekelilingnya, tetapi disegani oleh bukan Islam.

“Orang awam akan tertarik atau mungkin peluk Islam apabila akhlak Rasulullah S.A.W disegani oleh mereka.”

Harapan

Wan Salim memberitahu, Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP) hatta Jabatan Mufti sendiri melakukan sesuatu yang lebih baik ke arah memartabatkan Islam dan umat di negeri ini, dan, di sinilah Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Pulau Pinang harus memainkan aspek dengan menilai semua segi secara bebas dan adil.

“Kadang-kadang Jabatan Mufti Negeri Pulau Pinang dan JHEAIPP sendiri menjadi serba-salah untuk mencegah sesetengah penceramah yang buruk perkataannya di atas masjid, kerana kita mahu masjid menjadi medan ilmu dan medan untuk umat Islam berbeza pendapat.

“Apabila ada ustaz tertentu menyemarakkan faham *takfiri* (mengkafirkhan) ke atas satu-satu pihak secara sentimen politik, elok ada suatu garis panduan untuk memelihara imej Islam dan institusi masjid ini sendiri.

“Keghairahan umat Islam tanpa dipandu oleh ilmu akhirnya melahirkan budaya pembodohan atau melampaui, hingga memburukkan imej Islam sebagai agama yang adil untuk orang Islam dan bukan Islam.

“Selain itu kebenaran menggunakan pembesar suara luar masjid untuk tujuan azan dan iqamah sahaja, masih banyak cabaran yang harus didepani oleh umat Islam, dan di sini lah peranan Jawatankuasa Fatwa Kerajaan Negeri Pulau Pinang, iaitu memberi pendapat demi kesejahteraan umat,” jelas Wan Salim.

Hotel degil diambil tindakan penguatkuasaan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI & WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

GEORGE TOWN – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mengerakkan operasi penguatkuasaan bersepuduh terhadap salah sebuah hotel di Lebuh Penang di sini baru-baru ini.

Selain menurunkan papan tanda premis, bekalan elektrik turut diputuskan termasuk merobohkan struktur binaan bilik di hotel berkenaan.

Operasi penguatkuasaan di bawah program pemutihan hotel tanpa lesen tersebut dijalankan dalam tempoh kira-kira sejam dengan kekuatan 15 anggota Direktorat Penguatkuasaan MBPP.

Jabatan Kesihatan Persekitaran dan Perlesenan MBPP, Jabatan Konservasi Warisan dan Jabatan Perancangan Pembangunan MBPP serta Tenaga Nasional Berhad (TNB) turut sama dalam operasi bersepuduh berkaitan.

Menurut jurucakap MBPP, proses pemutihan hotel tidak

berlesen tersebut dilaksanakan dengan tujuan mengelak dari tindakan penyitaan premis dan sehingga kini, pihak berkuasa tempatan (PBT) hanya mengeluarkan kompaun terhadap pemilik hotel bajet yang masih berdegil untuk mendapatkan lesen.

“Melalui proses ini, pemilik atau pengusaha hotel tidak berlesen akan dibantu untuk mendapatkan lesen mengikut perundungan dan peraturan yang telah ditetapkan.

“Malah, proses untuk mendapatkan lesen juga adalah tidak sukar sekiranya semua syarat dan peraturan dipatuhi.



ANGGOTA Direktorat Penguatkuasaan MBPP memunggah dan merampas perabot hotel.

“Cuma, apabila premis tersebut perlu ditukar guna dari premis sedia ada ke premis perniagaan, contohnya dari premis pejabat (hendak) ditukar menjadi hotel bajet atau rumah tumpangan, pemilik perlu menukar guna terlebih dahulu sebelum membuat permohonan lesen,” katanya ketika ditemui di lokasi di sini baru-baru ini.

Terdahulu, Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow menyarankan agar pemilik hotel bajet dan rumah tumpangan di Pulau Pinang supaya memohon segera untuk mendapatkan lesen sah.

Jelas beliau, mananya premis hotel bajet mahupun rumah tumpangan yang memohon di bawah program pemutihan hotel sebelum 31 Okttober 2015 adalah layak menikmati bayaran lesen semasa iaitu RM2,400 untuk hotel bajet atau rumah tumpangan dan RM1,200 untuk bilik tumpangan serta hostel.

“Manakala, bagi



PAPAN tanda premis turut diturunkan dan dirampas dalam operasi penguatkuasaan bersepuduh terhadap salah sebuah hotel tanpa lesen di Lebuh Penang di sini baru-baru ini.

mana-mana pengusaha hotel yang belum mengemukakan permohonan selepas 31 Okttober 2015, bayaran dikenakan adalah tiga kali ganda untuk setiap permohonan dalam tempoh sehingga 31 Okttober 2016,” katanya dalam sidang media yang turut dihadiri Yang di-Pertua Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP), Dato’ Maimunah Mohd. Sharif dan Pengarah Kawalan Bangunan MBPP, Ar. Yew Tung Seang.

Mengulas lanjut, Kon Yeow yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota memberitahu bahawa operasi penguatkuasaan akan dilaksanakan secara berfasa bermula dengan hotel bajet atau rumah

tumpangan baharu, diikuti dengan hotel bajet atau rumah tumpangan yang tidak menjelaskan bayaran lesen sementara tahunan dan disusuli hotel bajet atau rumah tumpangan yang tidak membuat permohonan pelan kepada PBT, merangkumi MBPP dan MPSP.

“PBT juga akan menjalankan operasi terhadap hotel bajet atau rumah tumpangan yang telah menjelaskan bayaran lesen sementara tetapi permohonan pelan mereka ditolak,” ujarnya.

Sehingga 30 September 2015, sejumlah 29 buah hotel bajet dan rumah tumpangan di kawasan pulau dikesan belum memperbaharui lesen masing-masing dan Seberang Perai (3).

Keputusan besar dalam dasar pendidikan beri kesan terhadap seluruh generasi rakyat Malaysia

(dari muka surat II)

Justeru, tidak mengejutkan bahawa perubahan polisi pertama oleh Menteri Pendidikan baru adalah berkaitan dengan isu sensitif bahasa, apabila beliau bertindak menangguhkan keputusan menteri sebelumnya untuk menjadikan Bahasa Inggeris sebagai subjek wajib lulus dalam peperiksaan SPM berkuatkuasa tahun 2016. Tindakan ini menarik banyak kritikan, kerana seolah-olah menidakkan langkah Muhyiddin yang dilihat ramai sebagai perubahan ke arah reformasi progresif yang telah lama dinantikan oleh aktivis pendidikan.

Masalah struktural

Sudah menjadi sesuatu kelaziman bahawa perubahan dasar bahasa akan dilakukan setiap kali jawatan Menteri Pendidikan beralih tangan. Malah, Muhyiddin sendiri, apabila diberi portfolio tersebut pada tahun 2009, telah bertindak memansuhkan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar untuk Sains dan Matematik, iaitu satu dasar yang baru sahaja digubal hampir tujuh tahun sebelum itu.

Jelas, sistem pendidikan di Malaysia tenat dengan keputusan-keputusan rambang dan dasar-dasar flip-flop, khususnya apabila menteri baru dilantik. Ini menjadi satu kebimbangan yang serius, kerana keputusan besar dalam dasar pendidikan bukan hanya menimbulkan implikasi kos dan sumber, malah juga memberi kesan yang ketara ke atas seluruh generasi rakyat Malaysia.

Keputusan flip-flop berterusan dalam dasar bahasa merupakan kes yang paling jelas. Setelah mewarisi tradisi penguasaan bahasa Inggeris yang kuat, satu ciri yang diiktiraf

sebagai kekuatan utama tenaga kerja Malaysia dalam beberapa dekad pertama pembangunan negara, mutu bahasa Inggeris yang lemah kini disalahkan sebagai penyumbang utama kekurangan daya saing dalam kalangan graduan kita. Namun, ketika negara menghadapi cabaran sumber manusia yang serius, Menteri-menteri Pendidikan kita terus membuat keputusan berdasarkan politik emosi dan bukan bukti empirikal.

Inilah pokok sebenar kepada masalah pendidikan kita pada hari ini.

Masalahnya bukan semata-mata kerana menteri yang berpandangan sempit dan parokial dilantik – sudah pasti, ia akan membantu jika mereka tidak dipertanggungjawabkan dengan lantikan penting ini – tetapi juga kerana terdapat terlalu sedikit ruang semak dan imbang atau peluang intervensi untuk mengelak daripada keputusan-keputusan rambang oleh mana-mana Menteri Pendidikan.

Masalah ini mencerminkan masalah struktur. Sejak daripada Laporan Razak, nasionalisasi pendidikan secara beransur-ansur juga mengakibatkan pemusatan kuasa secara beransur-ansur. Daripada sistem yang dianggap laissez-faire di mana sekolah-sekolah diberikan ruang dan autonomi, sistem pendidikan kini telah berkembang menjadi raksasa birokrasi yang sangat terpusat dengan kuasa membuat keputusan tertumpu di tangan eksekutif politik.

Sebagai contoh, sementara sistem pendidikan maju di seluruh dunia secara lazimnya melantik



ZAIRIL Khir Johari (berdiri, tengah) merakam gambar berkumpulan pada Kejohanan Piala Demokrasi anjuran Ahli Parlimen Bukit Bendera yang menyaksikan bersasaran 24 pasukan bagi merebut piala kejohanan yang julung kali diadakan.

badan bebas dan profesional untuk mentadbir dan menguruskan peperiksaan, penggalan kurikulum dan latihan guru, semua bidang ini berada di bawah kawalan langsung Kementerian di Malaysia. Pada masa yang sama, terdapat terlalu sedikit autonomi di peringkat sekolah, sehingga persekitaran sekolah menjadi kurang berdaya saing dan sifat pemilikan masyarakat atau penglibatan ibu bapa dalam tadbir urus sekolah tidak signifikan.

Akibat kawalan langsung eksekutif ke atas pendidikan, serta sifat polemik pendidikan yang sangat dipolitikkan, tidak hairanlah apabila sekolah menjadi alat untuk mencapai matlamat politik dan bukannya objektif pendidikan. Bukan sahaja mata pelajaran tertentu dicemari oleh politik partisan, malah kita juga kerap

mendengar guru dipindahkan kerana pandangan politik mereka atau pekeliling yang “mengingatkan” sekolah untuk mengurangkan interaksi dengan ahli politik pembangkang, walau sebaik mana pun niat mereka.

Oleh itu, jika sebarang pembaharuan pendidikan hendak dicapai, isu-isu struktural harus ditangani terlebih dahulu. Sebagai permulaan, menteri tidak wajar diberi kuasa langsung ke atas bidang teknikal seperti peperiksaan, kandungan kurikulum mahupun pengurusan guru. Sudah tentu, keputusan ke atas aliran pendidikan atau subjek peperiksaan tidak patut dibuat oleh sang menteri. Sebaliknya ia perlu diuruskan oleh badan-badan profesional dan bebas.

Sebagaimana songsang sekalipun kedengarannya, kuasa Kementerian Pendidikan harus dikurangkan secara drastik dan dirasionalkan. Kebanyakan peranan dan fungsi semasa perlu dipencarkan kepada badan-badan bebas, manakala kementerian hanya perlu menumpukan perhatian kepada kawalan kualiti, pentadbiran dana dan memastikan matlamat dan KPI tercapai.

Jika kita benar-benar mahu menjadikan sistem pendidikan Malaysia sebagai sistem pendidikan abad ke-21, maka keputusan-keputusan sukar ini perlu dibuat. Barulah kita boleh menggantikan politik bahasa dengan perbahasan yang lebih progresif mengenai kualiti dan kecekapan.


Sehingga dan melainkan masalah struktural ini ditangani, pendidikan akan terus menjadi mangsa politik terbesar di Malaysia.

City Walk 1.1.16, daftar sebelum 15 Nov.

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

Gambar : LAW SUUN TING

GEORGE TOWN – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dengan kerjasama sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Kelab Pengembara Pulau Pinang (PAC) menjemput orang ramai menyertai program tahunan, *City Walk 1.1.16* yang bakal dilangsungkan di Padang Kota Lama di sini pada 1 Januari 2016.



POSTER penganjuran *City Walk 1.1.16*.

Pengarah Khidmat Pengurusan MBPP, Mohamed Akbar Mustapha berkata, penganjuran acara yang telah diadakan empat tahun berturut-turut tersebut adalah bersempena dengan sambutan Hari Bandaraya.

“Istimewanya, penganjuran kali ini adalah



WONG Pang Kong (kiri sekali), Mohamed Akhbar Mustapha (tengah) dan Rasyidah Jalaludin (dua dari kiri) menunjukkan baju-t program *City Walk 1.1.16* pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.

Majlis telah dinaiktaraf sebagai Majlis Bandaraya Pulau Pinang dan bersempena itu, semua penyertaan bagi golongan orang kurang upaya (OKU) adalah percuma dan juga kepada mereka yang dilahirkan pada 1 Januari.

“Pada penganjuran yang mensasarkan penyertaan seramai 15,000 peserta ini, antara laluan yang bakal dilalui adalah sekitar tapak warisan UNESCO George Town iaitu Masjid Kapitan Keling, Khoo Kongsi, Kuil Teochew, Kuil Mahamariamman dan Fort Cornwallis meliputi jarak keseluruhan lima kilometer,” katanya pada sidang media pengumuman penganjuran program berkaitan di sini baru-baru ini.

Pengarah Khidmat Kemasyarakatan MBPP, Rasyidah Jalaludin dan wakil PAC, Wong Pang Kong turut hadir.

Tambah Mohamed Akbar, penyertaan

adalah terbuka kepada orang ramai dengan yuran pendaftaran sebanyak RM10 kepada mereka yang berusia 13 tahun ke atas, lima hingga 12 tahun (RM5) dan lima tahun ke bawah adalah percuma.

“Setiap peserta akan diberikan sehelai kemeja-t dan peserta yang berjaya menamatkan acara jalan kaki dalam jangka masa kurang dari dua jam adalah layak menyertai pusingan cabutan bertuah.

“Antara hadiah cabutan bertuah yang menjadi rebutan adalah basikal, hamper dan baucer penginapan hotel,” jelas beliau.

Bagi pendaftaran dan maklumat lanjut, layari laman sesawang, www.mbpp.gov.my atau <http://www.pac.com.my> atau emelkan kepada wong_pangkong@yahoo.com.

Tarikh tutup penyertaan adalah pada 15 November 2015. Jom!

Empat kakitangan MPSP terima bayaran ex-gratia bencana kerja



MAIMUNAH Mohd. Sharif (bertudung) merakam gambar bersama-sama wakil dan penerima bayaran ex-gratia MPSP pada majlis penyampaian sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.

SEBERANG JAYA – Majlis Mesyuarat Penuh 444 (6/2011) Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) bertarikh 30 Jun 2011 meluluskan cadangan bayaran Ex-Gratia Bencana Kerja kepada empat kakitangan MPSP berkuatkuasa 1 Julai 2011 di sini baru-baru ini.

Yang di-Pertua MPSP, Dato' Maimunah Mohd. Sharif berkata, sebagai sebuah majikan yang mengutamakan kebaikan kakitangannya, pihak berkuasa tempatan (PBT) terabit telah meluluskan pembayaran Ex-Gratia Pukal dan Ex-Gratia Orang Tanggungan dengan tarikh pembayaran bermula 1 Januari 2012.

MAIMUNAH Mohd. Sharif (kiri sekali) dan Dr. Lim Seh Guan (kanan sekali) bersama-sama wakil penaja menunjukkan sepanduk promosi *TriState 160 Fellowship Ride 2016* pada sidang media di sini baru-baru ini.

“Empat kakitangan terbabit diisyiharkan layak menerima bayaran ex-gratia selepas terlibat dalam kemalangan sewaktu bertugas, ingin ke tempat kerja dan semasa pulang dari tempat kerja.

“Mereka adalah Rosidi Md. Nor yang hilang upaya kekal lutut kiri, M. Hari Valgan (hilang upaya kekal jari tengah kanan), S. Maniam (hilang kekal tulang tibia serta dua jari kaki kanan) dan mendiang G. Edmond (meninggal dunia).

“Bayaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Bil. 7 Tahun 2001,” katanya ketika menyampaikan sumbangan berkaitan di sini baru-baru ini.

Status hak milik strata rumah pangsa harap selesai tempoh terdekat

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI
Gambar : CHAN LILIAN

DATUK KERAMAT – Masalah status hak milik strata rumah pangsa Taman Free School akan selesai selepas Pejabat Tanah dan Galian (PTG) memberi kelulusan berhubung permohonan berkaitan.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, setelah lama tertangguh, jawatankuasa khas memantau permohonan status hak milik strata negeri Pulau Pinang kini menunggu ‘lampaui hijau’ dari PTG untuk pengeluaran status hak milik strata rumah pangsa Taman Free School yang dibina sejak tahun 1981.

“Kita telah memohon melalui jawatankuasa khas yang berperanan memantau permohonan pengeluaran Hakmilik Strata atau Hakmilik Individu melalui syarikat jurukur yang dilantik.

“Kita harap ia akan selesai dalam tempoh terdekat,” katanya selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Lif Baharu Blok L, M dan N Taman Free School di sini baru-baru ini.

Turut sama, Ahli Majlis Majlis Bandara Pulau Pinang (MBPP), Harvinder Singh.

Lif di tiga blok terbabit dinaik taraf oleh MBPP dengan kos berjumlah RM 318,000. Malah, mulai tahun hadapan, MBPP juga akan memperuntukkan dana bagi menggantikan tanda das menangkung kepada tandas duduk (bagi setiap unit rumah kos rendah terpilih) serta memasang kamera litar tertutup (CCTV) di dalam lif rumah pangsa berkaitan.

Mengulas lanjut, Jagdeep yang juga Ahli Dewan



JAGDEEP Singh Deo (kanan sekali) mencuba lif baharu rumah pangsa Taman Free School pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.



RUPA bentuk rumah pangsa Taman Free School.

Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat memberitahu bahawa kebanyakan projek perumahan kos rendah di Pulau Pinang tidak memiliki status hak milik strata terutama yang siap dibina antara tahun 1969 hingga 1995.

“Kami (Kerajaan Negeri) akan terus memantau secara berkala status pengeluaran hak milik strata bagi projek perumahan kos rendah

di negeri ini termasuk menasihati pemaju agar mematuhi Akta Hak Milik Strata 2013 (Akta 757),” ujar .

‘Skip for Fun & Fund’ beri kesedaran penting jaga kesihatan jantung

Gambar : SHUM JIAN-WEI

GEORGE TOWN – Sejumlah RM201,000 berjaya dikumpul pada penganjuran program amal ‘Skip for Fun & Fund’ yang diadakan bersempena sambutan Hari Jantung Sedunia di sini baru-baru.

Program anjuran bersama Hospital Adventist (PAH) dan Mended Hearts Penang (MHP), sebuah organisasi sokongan pesakit jantung itu bukan sahaja berjaya mengetengahkan cabaran lompat tali skip, malah juga memberi kesedaran kepada umum betapa pentingnya penjagaan kesihatan jantung.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari berkata, saban tahun terdapat pertambahan pesakit jantung, malah pada tahun 2014, sebanyak 20.1 peratus kematian dicatatkan dalam kalanjan pesakit.

“Tidak mustahil apabila Persekutuan Jantung Sedunia (WHF) menjangkakan jumlah kematian akibat penyakit berkaitan kardiovaskular (CVD) bakal meningkat dari



AKSI sebahagian peserta yang mengambil bahagian dalam cabaran ‘Skip for Fun & Fund’ di sini baru-baru ini.

tahun ke tahun memandangkan gaya hidup masyarakat dunia kini berubah dengan nyata.

“Oleh itu, inisiatif sebegini umpsamanya harus diteruskan di masa-masa hadapan agar masyarakat Malaysia umumnya, tahu bahawa mereka juga berpotensi mengalami CVD disebabkan faktor persekitaran dan kurangnya amalan gaya hidup sihat,” katanya yang hadir merasmikan program berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey.

Terdahulu, menurut Ketua Pegawai Eksekutif PAH, Dr. Wesley Toh, sebelum ini, pihak pengajur hanya mensasarkan sejumlah RM150,000 dana dapat dikumpul menerusi penganjuran berkaitan.

“Tetapi, pada penghujung program, kami berjaya mengumpulkan sejumlah RM201,000.

“Terima kasih kepada semua penderma terutama rakyat Pulau Pinang yang prihatin dengan pesakit jantung,” ujar beliau.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh hubungi Bahagian Pembangunan Komuniti PAH di talian 04 - 222 7644/7606/7344 atau emel kepada charlottelee@pah.com.my.



PEMERIKSAAN kesihatan yang dijalankan pihak PAH pada hari penganjuran program.

Semua perayaan dirai dalam suasana harmoni di P. Pinang - TKMI



MOHD. Rashid Hasnon (tengah, berbaju batik) bergambar kenangan dengan para peserta Pesta Tanglung Peringkat Bayan Baru di sini baru-baru ini.

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI
Gambar : AMANDA KHONG XIA LING

PANTAI JEREJAK – Kira-kira 500 penduduk sekitar Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Pantai Jerejak mengambil bahagian dalam acara perarakan Pesta Tanglung Peringkat Bayan Baru yang berlangsung dari gelanggang bola keranjang Taman Sunway Tunas hingga ke Hotel Olive Tree di sini baru-baru ini.

Timbalan Ketua Menteri I yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pantai Jerejak, Dato’ Mohd. Rashid Hasnon berkata, sambutan meriah dan warna-warni perayaan tersebut melambangkan simbol perpaduan antara kepelbagaian kaum di sini.

“Di Pulau Pinang, semua perayaan diraikan dalam suasana harmoni dan meriah,” katanya ketika merasmikan acara berkaitan dan turut mengambil bahagian dalam acara perarakan berkaitan.

Serentak itu, beliau turut menyempurnakan



SALAH satu pasukan yang memenangi pertandingan mereka bentuk tanglung tercantik.

majlis penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan mereka bentuk tanglung tercantik yang diadakan bersempena dengan penganjuran yang dijayakan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Sunway Tunas berkaitan.

Turut diadakan adalah tarian singa, tarian naga, permainan teka-teki, upacara memotong kek bulan dan lain-lain.

Wanita diseru jalani pemeriksaan payudara berkala

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF
Gambar : TAM POH GUEK

GEORGE TOWN – Bagi memupuk kesedaran dalam kalangan wanita supaya menjalankan pemeriksaan payudara secara berkala, beberapa pihak telah mengambil inisiatif menganjurkan Kempen Pink October With The Biggest Teddy Bear In Penang di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pulau Tikus, Yap Soo Huey berkata, wanita dilahirkan dengan sifat lemah lembut, penyayang, mengambil berat dan lebih mementingkan orang-orang di sekelilingnya seperti suami, anak, keluarga dan rakan-rakan berbanding diri sendiri.

“Secara tidak langsung, sifat-sifat tersebut lazimnya menyebabkan mereka (golongan wanita) selalu alpa untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan terhadap diri sendiri terutamanya dalam membendung penularan penyakit kanser payudara.

Justeru, istimewanya bulan Oktober pada setiap tahun sememangnya sinonim dengan bulan kesedaran kanser payudara yang mana ‘menyeru’ supaya golongan wanita lebih peka untuk menjalankan pemeriksaan payudara secara berkala.

“Sayangi diri sendiri. Mencegah adalah lebih



HIASAN merah jambu yang sinonim dengan kempen kesedaran kanser payudara.

baik daripada mengubati,” katanya pada Majlis Pelancaran Kempen Pink October With The Biggest Teddy Bear In Penang di sini baru-baru ini.

Penganjuran kempen tersebut adalah inisiatif khas Hospital Kanser Mount Miriam dengan kerjasama pusat membeli-belah, Gurney Paragon Mall.

Hadir sama, Pengarah Eksekutif Hunza Group, Khor Tze Ming dan Ketua Pegawai Eksekutif Hospital Kanser Mount Miriam, Tham Wei Wei.

Sebagai sokongan, orang ramai digalakkan mengambil gambar bersama-sama patung beruang gergasi berukuran 10 x 8 kaki yang dipamerkan di Gurney Paragon Mall sambil menderma kepada Tabung Pesakit Kanser Hospital Kanser Mount Miriam.



YAP Soo Huey (kiri sekali) ditemani Khor Tze Ming (dua dari kiri) bergambar bersama-sama patung beruang gergasi sebagai tanda sokongan Kempen Pink October With The Biggest Teddy Bear In Penang pada majlis pelancarannya di sini baru-baru ini.

Tambah Soo Huey, selaras dengan matlamat berkaitan, Kerajaan Negeri turut melancarkan program MammoPenang yang mana menawarkan perkhidmatan pemeriksaan payudara secara percuma kepada golongan wanita berusia 35 tahun dan ke atas yang layak.

Dalam pada itu, Wei Wei memberitahu, penganjuran kempen tersebut merupakan tanggungjawab sosial korporat (CSR) kelolaan Hospital Kanser Mount Miriam.

“Program ini juga memperlihatkan sokongan

kami terhadap golongan wanita khususnya penghidap kanser payudara.

“Kami ingin mewujudkan kesedaran dalam kalangan wanita bahawa betapa cepatnya kanser payudara boleh merebak sekiranya tidak dibendung pada peringkat awal.

“Lima tahun lalu, statistik menunjukkan bahawa hanya satu daripada 20 wanita akan menghidap penyakit ini (kanser payudara), namun, kini, ia telah meningkat kepada nisbah satu daripada lapan wanita,” jelas beliau.

Pesta Tanglung erat hubungan sesama masyarakat

Oleh : DARWINA
MOHD. DAUD

SEBERANG JAYA

Hormat-menghormati perlu diwujudkan dalam kalangan penduduk tanpa mengira latar belakang bangsa dan agama.

Kenyataan tersebut dinyatakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Seberang Jaya merangkap Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Desa & Kesihatan, Dr. Afif Bahardin pada program Pesta Tanglung 2015 Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

“Pesta Tanglung ini boleh menghimpunkan semua, termasuk keluarga terutama anak-anak dan juga pelbagai lapisan masyarakat.

“Pesta ini juga dipanggil pesta kuih bulan. Bulan bermaksud perpaduan, hidup



DR. Afif Bahardin (barisan paling belakang, tengah) bergambar kenangan bersama-sama kanak-kanak yang mengambil bahagian dalam penganjuran Pesta Tanglung DUN Seberang Jaya di sini baru-baru ini.

dalam keadaan harmoni, sentiasa seimbang, baik sesama bangsa dan ini yang kita hendak wujudkan di DUN (Dewan Undangan Negeri) Seberang Jaya,” katanya ketika hadir pada majlis berkaitan di sini.

Turut hadir, Pengurus Besar Hotel Sunway, Ben Ho.

Kira-kira 100 hadirin turut serta dalam penganjuran yang turut diselitkan dengan acara pertandingan makan kuih bulan sampai habis, teka kacang dan pertandingan reka tanglung menggunakan barang kitar semula.

Mengulas lanjut, Afif menjelaskan bahawa dengan adanya program sebegini, ia boleh merapatkan hubungan antara beliau sebagai ADUN kawasan dengan masyarakat setempat.



AKSI ceria tiga peserta cilik yang mengambil bahagian dalam pertandingan mereka bentuk tanglung menggunakan barang kitar semula.

Teks & Gambar :
AINUL WARDAH SOHILLI

TANJUNG BUNGA

Kerajaan Pusat digesa meneliti semula Senarai Ubat Penting Negara (SUPN) termasuk produk farmaseutikal dan diseru supaya membuat pengecualian Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) bukan sahaja terhadap ubat-ubatan terpilih, tetapi semua ubat penting yang menjadi keperluan utama dalam penjagaan kesihatan rakyat negara ini.

Ahli Parlimentan Bukit Bendera, Zairil Khir Johari berkata, kebanyakannya ubat masih lagi tertakluk kepada GST yang dilihat semakin membebankan pesakit.

“Pengecualian GST untuk ubat-ubatan penting tidak memadai, (Kerajaan) Pusat harus mengkaji semula senarai ubat-ubatan penting agar ia tidak membebankan pesakit terutama mereka yang memerlukannya (ubat) sepanjang hayat,” katanya pada penganjuran Program Pemeriksaan Kesihatan dan Mata Percuma di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Presiden Persatuan Diabetes Pulau Pinang (PDS), Ronnie Teoh dan ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) Taman Seri Setia.

Pada penganjuran tersebut, seramai 37 individu terpilih menerima sumbangan cermin mata percuma daripada pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Lions Club of Penang.

Sumbangan diberikan kepada mereka yang



ZAIRIL Khir Johari (tengah) bersama-sama wakil pengajar Program Pemeriksaan Kesihatan dan Mata Percuma menunjukkan cermin mata yang disumbangkan kepada golongan memerlukan di sini baru-baru ini.

berpendapatan rendah dan berumur 55 tahun ke atas serta 17 tahun ke bawah yang mempunyai masalah penglihatan.

Mengulas lanjut, Zairil memberitahu, sehingga kini, SUPN yang dikategorikan Kementerian Kesihatan menyenaraikan sebahagian dari 7,000 produk ubat terkawal dan 4,000 produk ubat bukan racun.

“Sungguhpun sebahagian ubat-ubatan yang digunakan untuk merawat 30 jenis penyakit seperti sakit jantung, diabetes, tekanan darah tinggi dan barah dikenakan GST, namun, masih ada sebahagian ubat-ubatan lain yang dikenakan GST.

“(Kerajaan) Pusat seharusnya lebih prihatin terhadap kesihatan rakyat dan perlu bersikap adil dengan memastikan GST dikenakan untuk semua jenis ubat bagi memastikan kesihatan rakyat terpelihara,” tegasnya.

Program yang julung kali diadakan tersebut dianjurkan secara bersama Pejabat Ahli Parlimentan Bukit Bendera, Pejabat Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga dan PDS.



Anjuran oleh:



PERADUAN mELUKIS POSTER: KREATIVITI ANAK PENANG

Tema:

1. Hentikan Keganasan. Hormati Wanita.
2. Jangan Berdiam Hingga Terlambat. Bersama-sama Kita Hentikan Keganasan Terhadap Wanita & Kanak-kanak Perempuan.
3. Hentikan Keganasan Terhadap Wanita Untuk Realisasikan Kesaksamaan Gender.

Kategori I:

12 tahun &
ke bawah**Hadiyah:**
1: RM300
2: RM200
3: RM100

Kategori II:

13 – 17 tahun

Hadiyah:
1: RM400
2: RM300
3: RM200

Kategori III:

18 tahun &
ke atas**Hadiyah:**
1: RM500
2: RM400
3: RM300

Borang Penyertaan

Nama: _____

No. MyKid / IC: _____

Alamat: _____

Kategori: _____

Ibu Bapa / Penjaga: _____
(Kategori I & II sahaja)

No. Tel. (Rumah): _____ No. Tel. (Bimbil): _____

Alamat E-Mel: _____

Termasuk Syarat Pertandingan:

1. Pertandingan dibuka dari 25hb September hingga 25hb November 2015.
2. Pertandingan ini adalah terbuka kepada penduduk negeri Pulau Pinang sahaja.
3. Poster mesti direka berdasarkan satu daripada tiga tema peraduan dan perlu mengandungi frasakata tema yang diberikan.
4. Para peserta boleh menggunakan sebarang jenis kertas bersaiz A3. Penggunaan jenis peralatan melukis adalah bebas termasuk digital.
5. Semua penyertaan mesti dihantar dalam bentuk salinan cetak / salinan keras (*hard copy*), termasuk rekacipta digital.
6. Semua penyertaan mesti dihantar bersama-sama borang penyertaan yang asal. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan.
7. Semua penyertaan adalah hak milik pihak pengajur.
8. Majlis penyampaian hadiah akan diadakan di Majlis Penutupan Kempen Penang Goes Orange.
9. Bagi sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-261 2835 / 04-261 5261 atau e-mel, info@pwdc.org.my
10. Hantar penyertaan anda sebelum atau pada 25hb November 2015 kepada:

**Buletin Mutiara,
Peraduan Melukis Poster: Kreativiti Anak Penang
Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang.**